

JFA Xfa
no 1

PARLIMEN

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN
KEDUABELAS 2010

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan
Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan
Rakyat Daripada Kementerian**

HARI SELASA: 6 APRIL 2010

CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LIS AN YANG TIDAK DAP AT DI JAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 12 HINGGA 71)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 11 [RUJUK

PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenyataan bahawa kos penurapan jalan Sapulut - Kalabakan telah meningkat dari RM100 juta kepada RM200 juta adalah tidak benar. Anggaran kos yang dibuat pada tahun 2008 bagi kerja-kerja penurapan jalan adalah sebanyak RM200 juta dan kekal sehingga sekarang.

Mengenai isu penurapan jalan Sapulut - Kalabakan yang ditangguhkan ke RMKe-10, keputusan ini dibuat berdasarkan kepada aktiviti pembalakan yang masih aktif di sepanjang jalan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan tersebut telahpun digunakan oleh pelbagai jenis kenderaan semenjak tempoh pembinaan lagi dan kini digunakan oleh kira-kira 150 bifangan kenderaan sehari termasuk 50-75 bilangan lori balak. Kegiatan lori- lori balak lebih muatan ini telah menyebabkan kerosakan jalan yang teruk. Oleh yang demikian, Kementerian Kerja Raya sedang bekerjasama dan mendapatkan komitmen daripada Kerajaan Negeri Sabah melalui JKR Sabah untuk diwartakan sebagai jalan awam bagi membolehkan tindakan penguatkuasaan peraturan had muatan dilaksanakan. Oleh itu, peruntukan yang akan disediakan bagi menurap jalan tersebut tidak akan sia-sia beg itu sahaja.

Memandangkan sebahagian besar jajaran jalan melalui kawasan hutan simpan (kira-kira 83%) dan tertakluk kepada peraturan- peraturan yang diperuntukan oleh Enakmen Hutan Simpan Negeri, maka tindakan penguatkuasaan hanya boleh dibuat setelah jalan tersebut diisytiharkan sebagai Jalan Awam.

Kementerian Kerja Raya kini sedang bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah melalui agensinya iaitu JKR Sabah

untuk membolehkan tindakan penguatkuasaan peraturan had muatan oleh agensi-agensi seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) atau polis dapat dibuat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kerja-kerja penurapan jalan ini yang telah dirancang pelaksanaannya di bawah RMK-10 akan dilaksanakan tertakluk kepada syarat tindakan penguatkuasaan terhadap lori-lori balak lebih muatan yang menggunakan jalan ini.

Mf; /3

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA **DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN]**

LISAN

PERTANYAAN

06.04.2010

TARIKH

So/VUKI NI©

, 13

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI
KEWANGAN**

menyatakan

- (a) sama ada pihak SPNB menyediakan dana atau pun pinjaman kepada mereka yang kurang mampu untuk membaik pulih dan memperindah rumah kampung yang usang; dan
- (b) jika belum ada, kenapa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, SPNB tidak menyediakan dana ataupun pinjaman tersebut tetapi SPNB ada menyediakan kemudahan untuk membina rumah di bawah program Rumah Mesra Rakyat (RMR) kepada golongan yang kurang mampu tetapi memiliki tanah sendiri atau tanah saudara-mara terdekat yang memberi kebenaran berkanun.

SOALAN NO: 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI

TARIKH: 6 APRIL 2010

SOALAN:

Y.B. Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan:-

- (a) tanpa adanya pelaksanaan gaji minimum, bagaimanakah Kementerian dapat memastikan golongan pekerja terutamanya pekerja tempatan yang berpendapatan rendah dapat menjalani kehidupan seharian; dan
- (b) adakah Kementerian menyediakan sebarang program untuk membantu pekerja yang berpendapatan lebih rendah daripada garis kemiskinan tersebut dengan lebih berkesan.

PR-1231-L35195

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mempunyai pendirian bahawa pekerja hendaklah dibayar gaji yang munasabah dengan kerja yang dilakukan. Pada masa ini gaji pekerja ditetapkan melalui beberapa proses yang berlainan, iaitu

- a) Melalui perjanjian bersama diantara kesatuan sekerja dan majikan seperti di sektor perladangan dan beberapa sektor yang lain. Ini bagi memberi peluang kepada majikan dan wakil pekerja untuk duduk bersama untuk berbincang dan menetapkan kadar gaji yang dapat diterima oleh kedua-dua pihak;
- b) Melalui sistem kuasa pasaran yang menentukan gaji pekerja. Sebenarnya ini

adalah satu sistem yang baik yang selaras dengan prinsip-prinsip ekonomi tetapi di Malaysia ianya tidak selaras dengan kenaikan gaji di sektor swasta beberapa tahun yang lalu dimana kenaikan gajinya agak perlahan. Secara amnya purata kenaikan gaji bagi tempoh 10 tahun yang lalu ialah 2.6%;

- c) Sistem penetapan gaji melalui Akta Penetapan Gaji telah dibuat beberapa lama dahulu. Oleh kerana kadar gaji yang ditetapkan pada masa dahulu tidak munasabah dengan keadaan sekarang, Kementerian sedang menyemak semula semua penetapan gaji yang telah dibuat supaya ianya diselaraskan dengan keadaan terkini.

Tuan Yang Di Pertua,
Kementerian juga sedang mengkaji segala isu yang berkaitan dengan penyelarasan gaji, namun sebelum ianya boleh ditetapkan dan dijadikan sebagai satu dasar, kita memerlukan pandangan dari rakyat, wakil pekerja dan majikan tentang perkara ini.

Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan telah menetapkan bahawa semua orang yang mi skin tegar (kurang daripada RM440 sebulan), orang miskin (kurang daripada RM770 sebulan) dibantu melalui sistem e-kasih untuk meningkat taraf hidup mereka. Ini termasuk bantuan kebajikan, meningkatkan keupayaan pekerjaan, mewujudkan peniaga-peniaga kecil dan sebagainya.

SOALAN NO: /b

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

LISAN
DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI
ABD. MUTTALIB [MARAN]
6 April 2010

PERTANYAAN
DARIPADA

TARIKH SOALAN

DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN] minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah Kerajaan tidak menyedari bahawa keadaan Lebuh Raya Pantai Timur amat buruk dan tidak selamat. Apakah langkah Kerajaan dalam membaiki keadaan lebuh raya ini serta berapakah peruntukan yang telah disediakan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuh raya Pantai Timur (Fasa 1) merupakan sebuah lebuh raya di bawah kendalian syarikat konsesi MTD Prime Sdn. Bhd. bagi menjalankan kerja-kerja pungutan tol, operasi dan penyelenggaraan lebuh raya sehingga tahun 2032.

Lebuh raya ini telah dibina mengikut piawaian dan spesifikasi yang telah ditetapkan. Lembaga Lebuh raya Malaysia (LLM) sebagai wakil Kerajaan sentiasa memastikan syarikat konsesi mematuhi segala obligasi di dalam perjanjian konsesi dalam memastikan tahap kualiti lebuh raya mematuhi piawaian serta kerja-kerja penyelenggaraan lebuh raya dijalankan secara berjadual dan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

Sepanjang jajaran lebuh raya ini melalui pelbagai jenis struktur tanah dan sebahagiannya merupakan tanah jenis lembut berpaya, tanah gambut dan sebagainya. Dalam spesifikasi pembinaan lebuh raya dan jalan raya, terdapat dua peringkat pemantapan yang berlaku terhadap struktur tanah iaitu pemantapan pertama (*primary consolidation*) dan pemantapan kedua (*secondary consolidation*).

Bagi mencapai pemantapan pertama, kaedah yang digunakan semasa tempoh pembinaan adalah seperti kaedah *surcharge* atau sebarang kaedah lain yang bersesuaian. Bagi pemantapan kedua pula ianya memerlukan satu tempoh yang lama untuk mencapai tahap kestabilan yang ditetapkan. Di dalam tempoh ini kerja-kerja penyenggaraan turapan perlu dibuat dari semasa ke semasa bagi mengurangkan kesan akibat mampatan kedua ini.

Bagi memastikan Lebuhraya Pantai Timur memenuhi tahap kualiti jalanraya berdasarkan piawaian yang ditetapkan, LLM sentiasa memantau pelaksanaan kerja-kerja penilaian dan penambahbaikan yang dibuat oleh pihak konsesi. Antara penilaian yang dilakukan adalah seperti berikut:-

- I. Penilaian keadaan turapan (*Pavement Condition Assesmenty*),
- II. Penilaian keadaan jambatan (*Bridge Condition Assesment*);
- III. Penilaian keadaan pembedung (*Culvert Condition Assesmenty*),
- IV. Pemantauan keadaan cerun;
- V. Penyelenggaraan secara berkala dan rutin; dan
- VI. Melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf bangunan / kemudahan pengguna lebuhraya (kawasan rehat dan

penyakit seperti Hepatitis B dan C, khususnya di kalangan penagih dadah suntikan. Program *Harm Reduction* merangkumi Program Terapi Gantian Metadon (*Methadone Maintenance Therapy-MMT*) dan Program Pertukaran Jarum dan Alat Suntikan (*Needle Syringe Exchange Programme-NSEP*).

Program Terapi Gantian Metadon (MMT) telah dilaksanakan pada Oktober 2005 di fasiliti kerajaan dan klinik swasta. Sehingga Disember 2009, terdapat sejumlah 162 buah pusat perkhidmatan MMT yang terdiri daripada 35 buah hospital kerajaan, 77 klinik kesihatan kerajaan, 14 buah klinik swasta, 24 pusat khidmat Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK) dan 12 buah penjara telah melaksanakan program MMT. Seramai 10,730 orang pesakit (penagih dadah suntikan) telah mendapatkan rawatan terapi gantian dengan kadar pengekalan pesakit sebanyak 70%.

Program Pertukaran Jarum dan Alat Suntikan (NSEP) pula telah dilaksanakan sejak Februari 2006 dengan komitmen dan kerjasama Kerajaan dan badan bukan kerajaan khususnya Majlis AIDS Malaysia. Sehingga Disember 2009 sebanyak duabelas (12) buah badan bukan kerajaan (NGO) di bawah naungan Majlis AIDS Malaysia telah melaksanakan aktiviti tersebut di 240 lokasi (*site*). Sebanyak 22 buah klinik kesihatan kerajaan turut terlibat melaksanakan aktiviti tersebut. Sehingga akhir Disember 2009, seramai 18,377 orang klien (penagih dadah suntikan) telah mengikuti program ini dengan pencapaian 66% kadar pemulangan jarum dan alat suntikan.

Pengalaman di 71 buah negara yang melaksanakan program *Harm Reduction* telah membuktikan bahawa pendekatan *harm reduction* telah dapat mengurangkan jangkitan HIV di kalangan penagih dadah suntikan (opiod). Di Malaysia, peratus jangkitan HIV di kalangan penagih dadah yang dilaporkan telah menunjukkan penurunan dari 66% pada tahun 2005 kepada 55% pada tahun 2009 berikutan pelaksanaan program *harm reduction* pada tahun 2006. Kajian *Integrated Bio Behavioural Surveillance* (IBBS) 2009 mendapati peratus amalan

berkongsi jarum (semasa menagih) telah menurun kepada 12.7% berbanding 42.1% pada tahun 2004. Dari segi kekerapan berkongsi jarum, peratusan penagih yang berkongsi jarum lebih dari lima (5) kali seminggu juga turut berkurangan dari 15.9% dalam tahun 2004 kepada 2.3% sahaja dalam tahun 2009. Kesedaran dan pengetahuan penagih dadah mengenai HIV/AIDS didapati tinggi dengan 95% daripada penagih dadah tersebut mempunyai pengetahuan mengenai HIV/AIDS. Kesedaran dan perubahan tingkahlaku ini telah membantu dalam mengurangkan penularan jangkitan HIV di kalangan kumpulan sasar ini.

Program *harm reduction* yang dilaksanakan oleh Malaysia turut mendapat pengiktirafan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Seramai 67 orang dari empat negara iaitu Thailand, Iran, Lao PDR dan Indonesia telah melakukan lawatan belajar ke program *harm reduction* di Malaysia yang ditaja oleh WHO.

Tuan Yang Di Pertua,

Berkaitan pertanyaan mengenai kos, sebanyak RM 70 juta telah dibelanjakan untuk melaksanakan aktiviti program *harm reduction* sejak ia mula dilaksanakan pada tahun 2006 sehingga akhir Disember 2009. Pelaksanaan program *Harm Reduction* ini telah mengikut garis panduan yang ditetapkan dengan mengambil kira pandangan pelbagai pihak seperti Poll's, AADK, badan-badan bukan kerajaan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan lain-lain agensi

Mt'Jg

KK/BP(1.10)294/6-73 SJ.B/(92)

BAHAGIAN KORPORAT

14:40 0388906501

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

ORIPADA **TUAN CHONG CHIENG JEN
(BANDAR KUCHING)**

PERTANYAAN **LISAN**

TARIKH **06.04.2010**

|*

Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah kadar tarif yang akan dikenakan untuk pembekalan elektrik oleh Projek Empangan Hidroelektrik Bakun Ke Syarikat Sesco Berhad. Berapa tahun dijangka bahawa Projek Empangan Hidroelektrik Bakun itu akan terus membekalkan elektrik untuk digunakan di Sarawak sebelum ia akan bermula membekal elektrik untuk Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini kadar tarif yang akan dikenakan kepada Syarikat Sesco Berhad untuk pembekalan elektrik dari Projek Hidroelektrik Bakun belum diputuskan dan masih di peringkat rundingan.

06/04 2010 14:40 0388906501

BAHAGIAN KORPORAT

#1677 P.004/007

Untuk makluman

Yang Berhormat juga, keupayaan terpasang Projek Hidroelektrik Bakun ialah 2.400MW terdiri daripada 8 turbin yang dipasang secara berperingkat mulai bulan Oktober 2010. Cadangan pembekalan tenaga elektrik ke Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 1600MW. Oleh itu, lebih kuasa yang dijana daripada Projek Hidroelektrik Bakun akan terus dibekal dan digunakan di Sarawak untuk jangka masa yang panjang.

SOALAN (19)

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 6 APRIL 2010 (SELASA)
DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING
(TAIPING)

SOALAN

Y.B. TUAN NGA KOR MING (TAIPING) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan kedudukan terbaru pelaksanaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal (Solidwaste Management Act 2007) dan jumlah perbelanjaan yang akan ditanggung oleh pihak Kerajaan serta kriteria pemilihan konsortium syarikat swasta dalam pelaksanaan akta itu.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672) telah diwartakan pada 30 Ogos 2007. Walau bagaimanapun, Akta 672 belum dikuatkuasa kerana pada masa ini penggubalan beberapa Peraturan sedang disediakan bagi membolehkan Akta 672 dikuatkuasakan dengan berkesan. Pada masa ini, sebanyak 10 draf Peraturan telah disediakan manakala sebanyak 8 draf sedang disediakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, Kerajaan belum memuktamadkan lagi kos penswastan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Dalam hal ini, Kerajaan mengambil langkah berhati-

hati dalam memuktamadkan tarif perkhidmatan yang perlu dibayar kepada syarikat-syarikat konsesi bagi memastikan Kerajaan mendapat perkhidmatan yang terbaik dengan kos yang adil dan tidak membebankan.

Untuk makluman, pemilihan konsortium syarikat swasta melalui proses tender terhadap telah dibuat pada tahun 1995 oleh Jawatankuasa Penswastaan di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hanya terlibat untuk menilai cadangan-cadangan teknikal dan laporan penilaian kemudiannya dikemukakan kepada EPU untuk penilaian akhir. Lebih kurang 20 buah syarikat telah mengemukakan cadangan dalam tender terhadap tersebut. Pemilihan telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 6 September 1995.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

April 2010

NO. SOALAN: 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	Y.B. PUAN TAN AH ENG
TARIKH	6 APRIL 2010

SOALAN:

Y.B. Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan anggaran pelaburan dan bilangan syarikat dari dalam dan luar negeri yang sedang merancang untuk melabur di Iskandar Malaysia, Johor serta jenis insentif yang ditawarkan kepada pelabur.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) telah menerima pelaburan komited daripada syarikat dalam dan luar negara di Iskandar Malaysia berjumlah **RM52.76 bilion**. Jumlah ini melibatkan sebanyak **532** syarikat dalam dan luar negara sehingga bulan **Februari 2010**. Pecahan pelaburan adalah **RM25.87 bilion** melibatkan **160** syarikat dalam negara manakala **RM26.89 bilion** melibatkan **372** syarikat luar negara. Pelaburan tersebut melibatkan pelbagai sektor utama iaitu pengilangan, perkhidmatan, hartanah dan lain-lain.

Kerajaan menawarkan pelbagai insentif atau galakan pelaburan kepada pelabur tempatan dan asing yang berminat melabur di Iskandar Malaysia. Sebagai contoh, antara insentif fiskal yang ditawarkan adalah seperti dalam Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan

Bahasa Inggeris (MBMMBI)

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedang berusaha sedaya upaya untuk merealisasikan dasar memartabatkan Bahasa Melayu dan memperkasakan Bahasa Inggeris (MBMMBI) agar mencapai matlamat yang ditetapkan. Sebagai Kerajaan yang prihatin terhadap implikasi perubahan dasar ini kepada kohort murid yang terlibat dengan pelaksanaan PPSMI sejak Tahun 2003, pendekatan *soft landing* akan dilaksanakan. Pendekatan ini bertujuan untuk memastikan pencapaian akademik murid tersebut tidak terjejas. Untuk tujuan tersebut, pengajaran dan pembelajaran serta peperiksaan akan dilaksanakan dalam dwi bahasa sehingga kohort terakhir PPSMI tamat pada tahun 2015.

Bagi memartabatkan Bahasa Malaysia, KPM akan melaksanakan transformasi kurikulum bahasa Malaysia di sekolah rendah dan menengah dengan memberi fokus kepada penguasaan asas kemahiran berbahasa di kalangan murid melalui pendekatan modular yang bersepadu, seimbang dan holistik. Modul yang disediakan meliputi aspek kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis serta penguasaan tatabahasa dan seni bahasa. Usaha ini selaras dengan matlamat kerajaan dalam inisiatif NKRA atau Bidang Keberhasilan Utama untuk meningkatkan penguasaan literasi dan numerasi. Selaras dengan usaha kementerian untuk memartabatkan Bahasa Malaysia seperti yang terkandung dalam MBMMBI, peruntukan waktu Bahasa Malaysia yang menggunakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) di Sekolah Kebangsaan adalah seperti sedia ada iaitu 360 minit pada Tahap I dan 300 minit pada Tahap II seminggu. Namun, bagi Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) pula waktu

Memartabatkan Bahasa Malaysia

pembelajaran dan pengajaran (P&P) Bahasa Malaysia ditambah dari 270 minit ke 300 minit bagi Tahap I dan 180 minit ke 240 minit pada Tahap II. Tambahan waktu ini akan dilaksanakan pada Tahun 2011 bermula dari Tahun 1.

Memperkukuh bahasa Inggeris

Dalam usaha memperkukuh Bahasa Inggeris pula, KPM menggariskan beberapa pendekatan, antaranya;

- Penambahan masa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris
- Tranformasi kurikulum Bahasa Inggeris sekolah rendah dan menengah
- Asas berbahasa (*back to basics*)
- Modul *Language Arts*
- Guru: *Contact Time* Berkualiti
- Perkongsian dan jaringan guru
- Meningkatkan kepimpinan sekolah

Kerajaan yakin bahawa pelaksanaan dasar baru ini akan dapat memperkukuh penguasaan bahasa Inggeris yang secara tidak langsung akan meningkatkan keupayaan murid untuk menguasai ilmu termasuklah dalam bidang sains dan teknologi. Dalam masa yang sama juga, bahasa Malaysia dapat dimartabatkan sebagai bahasa rasmi negara dan bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara.

Rjm 89

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA DATUK SERI SYED HAMID BIN SYED
JAAFAR ALBAR (KOTA TINGGI)

TARIKH 6 APRIL 2010 (SELASA)

SOALAN **DATUK SERI SYED HAMID BIN SYED
JAAFAR ALBAR** minta **MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**
menyatakan:

Apakah benar program 'subur' dihentikan kerana senarai nama mereka yang layak dalam program e-kasih tidak dapat diselaraskan dengan program 'subur'. Jika benar apakah langkah pengubahsuaian yang akan diambil oleh Kerajaan.

SOALAN **DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI** minta
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI** menyatakan:

Sama ada subsidi beras untuk rakyat termiskin akan diteruskan dan jika ya, bilakah ia akan dimulakan.

SOALAN **DATUK RICHARD RIOT ANAKJAEM** minta
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI** menyatakan:

Apakah terjadi dengan Program Subsidi Beras Untuk Rakyat (SUBUR) yang sehingga kini belum dilaksanakan lagi.

JAWAPAN

Dato' Yang Dipertua,

Terlebih dahulu saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan dari **Y.B. Dr. Mohd Hatta Bin Md Ramii [Kuala Krai]** bertarikh **6 April 2010 (no. 22)** dan **Y.B. Datuk Richard Riot Anak Jaem [Serian]** bertarikh **8 April 2010** yang juga berkaitan dengan isu SUBUR.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Program SUBUR ini bertujuan untuk melaksanakan sistem baucar bagi pembelian beras subsidi untuk golongan miskin bagi menggantikan semua program subsidi beras sedia ada. Ini bagi memastikan subsidi Kerajaan sampai sepenuhnya kepada golongan sasaran dan menghentikan penyalahgunaan subsidi oleh pihak-pihak yang tidak sewajarnya dari menikmati subsidi tersebut.

Pada asalnya Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan Program Subsidi Beras Untuk Rakyat (SUBUR) mulai pada 1 Disember 2009. Penerima bagi program bantuan beras ini menggunakan senarai golongan miskin yang berdaftar dalam sistem e-Kasih yang diurus oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP) Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Berikutan dengan aduan dan rungutan daripada orang ramai yang mengatakan senarai golongan miskin dalam sistem e-Kasih tidak merangkumi semua golongan yang layak maka Kerajaan telah memutuskan untuk menangguhkan buat sementara waktu pelaksanaan Program SUBUR. Penangguhan ini perlu dibuat bagi membolehkan Kementerian dan UPP JPM menyemak semula dan membuat verifikasi senarai nama dalam sistem e-Kasih dan memasukkan mana- mana keluarga layak yang tercicir.

Urusan semakan ini sedang dijalankan dengan kerjasama daripada 222 Urus setia Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen (MPPP) di mana permohonan SUBUR yang diterima dari orang ramai disemak dan disenarai pendek. Senarai nama pemohon yang telah diperakukan dalam mesyuarat MPPP merupakan tapisan peringkat awal dan akan dikemukakan kepada UPP JPM bagi tujuan semakan dan verifikasi sebelum dimasukkan ke dalam sistem e-Kasih. Urusan semakan ini mungkin memakan masa memandangkan semua MPPP di semua kawasan Parlimen terlibat dan bilangan permohonan yang diterima adalah besar. Adalah diharapkan selepas ini tidak ada golongan yang layak tercicir dan tidak mendapat bantuan.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,**

LISAN

TUAN MOHD NIZAR BIN

ZAKARIA [PARIT]

6 April 2010

MALAYSIA

PERTANYAAN DARIPADA

TARIKH SOALAN

**TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA [PARIT] minta MENTERI
KERJA RAYA menyatakan bilakah pembinaan jambatan yang
menghubungkan Lambor Kiri ke Lambor Kanan akan
dilaksanakan.**

SOALAN NO: ,23

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Bierhormat, Kementerian Kerja Raya telah merancang pelan pembangunan rangkaian jalan raya di seluruh Semenanjung Malaysia dengan mengambil kira faktor trafik, guna tanah, sosio ekonomi dan keselamatan kepada pengguna jalan raya amnya.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan kepada pelan pembangunan rangkaian jalan raya tersebut, Kementerian Kerja Raya pada masa kini tiada perancangan untuk membina jambatan sepanjang 800 meter yang menghubungkan Lambor Kiri ke Lambor Kanan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengguna mempunyai jalan alternatif yang mencukupi, seperti menggunakan jambatan di Bota dan Kg.Gajah untuk ke Lambor Kanan ataupun ke Lambor Kiri. Tambahan pula, berdasarkan banci lalulintas di kawasan berhampiran iaitu di Jalan Parit - Kampung Gajah, isipadu trafik yang dicatatkan adalah rendah

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tanah Merah, berita mengenai cadangan untuk merobohkan Stadium Merdeka adalah tidak benar. Bangunan yang dibina pada September 1956 dan dirasmikan oleh Almarhum Perdana Menteri Malaysia yang pertama Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putera Alhaj pada 30 Ogos 1957 telah dimasukkan ke dalam **Senarai Warisan Kebangsaan** di bawah kategori **Taoak Warisan Kebanasaan dan Senarai Banaunan-banaunan Warisan di Kuala Lumpur melalui warta P.U. fA1 524.** Justeru, bangunan Stadium Merdeka di Jalan Stadium, Kuala Lumpur ini dikategorikan sebagai bangunan yang tiada ternilai harganya.

Manakala, bagi Penjara Pudu pula, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKKT WPKL) dalam mesyuarat Bilangan **447/97 bertarikh 29 Ogos 1997** telah **meluluskan pemberimilikan tanah Keraiaan Lot 725, Lot 726 dan Lot 727 (bekas taoak Peniara PudtH keoda UPA Holdings Sdn. Bhd. sebaai taoak banaunan perdaaanaan denaan dikenakan premium beriumlah RM136.064,932.**

Walaupun bagaimanapun, sehingga kini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) masih belum menerima sebarang cadangan pembangunan ke atas tanah berkenaan daripada pihak UDA Holdings Sdn. Bhd. Pada masa ini juga terdapat kerja-kerja pembesaran jalan yang sedang dilaksanakan di Jalan Pudu dan melibatkan sebahagian daripada tembok Penjara Pudu tersebut.

Soalan No: 25

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL
KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN (KINABATANGAN)
TARIKH	
SOALAN	06 APRIL 2010
	25

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan tentang cadangan pembinaan jeti konkrit di kampung-kampung dan penyediaan bekalan elektrik di Kg. Tanjung Aru, Kinabatangan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Jeti merupakan salah satu komponen di bawah Program Ameniti Sosial (PAMS) Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Pelaksanaannya tidak terbatas kepada jenis konkrit mahupun kayu. Walau bagaimanapun, kos pembinaannya adalah terhad kepada RM500,000.00 sahaja. Untuk makluman Yang Berhormat, semakan Kementerian juga mendapati tidak ada permohonan yang diterima untuk pembinaan jeti di Kg. Tanjung Aru, Kinabatangan.

Berkenaan dengan penyediaan bekalan elektrik di kawasan Kg. Tanjung Aru, Kementerian telah mengambil maklum dan akan menyenaraikannya untuk pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe 10).

Memandangkan senarai projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) bagi negeri Sabah untuk pelaksanaan bagi tahun 2011 dan 2012 di bawah National Key Result Area (NKRA) telah dimuktamadkan, maka projek BELB di kawasan tersebut akan disenaraikan untuk pelaksanaan pada tahun 2013 tertakluk kepada keupayaan bekalan elektrik dari Pihak Berkuasa Elektrik Negeri (PBEN).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARI PADA	YB TUAN CHUA TIAN CHANG (BATU)
TARIKH	6 APRIL 2010 (SELASA)
SOALAN	Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta PERDANA
MENTERI menyatakan:	
	a. KPI setiap Menteri, kementerian dan agensi Kerajaan mengikut urutan; dan
	b. apakah tindakan diambil terhadap KPI yang kurang memuaskan.

JAWAPAN: (YB TAN SRI DR KOH TSU KOON)

Tuan Yang Di Pertua,

Di samping enam ahli Jemaah Menteri yang terlibat secara langsung sebagai Menteri Peneraju atau *Lead Ministers* bagi enam Bidang Keberhasilan Utama Nasional atau *National Key Result Areas* (N-KRA), setiap anggota Jemaah Menteri juga bertanggungjawab terhadap Bidang Keberhasilan Utama Kementerian atau *Ministerial Key Result Areas* (**M-KRA**), masing-masing dengan adanya **Petunjuk Prestasi Utama**

Kementerian atau *Ministerial Key Performance Indicators (M-KPI)*.

Bagi tahun 2009, sebanyak 77 M-KRA dengan 264 M-KPI telah disasarkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 225 M-KPI (85.2%) telah dicapai berdasarkan pemantauan yang dilaksanakan pada bulan Disember 2009 sehingga Januari 2010. Bagi 2010 pula, sebanyak 92 M-KRA dengan 327 M-KPI telah disasarkan, di mana 15 merupakan M-KRA baru dan 87 M-KPI adalah M-KPI baru. Secara keseluruhannya, ini melibatkan peningkatan sebanyak 19.5% bagi M-KRA dan 23.9% bagi M-KPI untuk tahun 2010.

Prestasi kesemua M-KRA dan M-KPI di bawah setiap kementerian akan dipantau rapi oleh Menteri sendiri dengan bantuan PEMANDU. PEMANDU akan berusaha memastikan penyelarasan di antara agensi dapat dipertingkatkan, terutamanya di mana terdapatnya saling kebergantungan (*inter-dependance*) di antara kementerian- kementerian. Bagi kementerian yang tidak menepati sasaran KPI yang tertentu, Menteri dan pegawai yang berkenaan dikehendaki mengenal pasti punca-punca masalah dan menerokai kaedah-kaedah penyelesaian yang kreatif agar KPI yang berkenaan dapat dicapai pada tahun berikutnya.

Proses penilaian ini bukanlah untuk menghukum seolah-olahnya, sebaliknya bertujuan memfokuskan usaha terhadap memberi panduan dan bantuan sewajarnya, serta mengubahsuai prosedur agar dapat mengatasi sebarang rintangan dan meningkatkan hasil penyampaian. Penilaian prestasi M-KPI bagi setiap ahli Jemaah Menteri akan dibuat sendiri oleh YAB Perdana Menteri dalam pertemuan empat-mata yang akan diadakan dua kali setahun, iaitu sekali pada pertengahan tahun dan sekali pada penghujung tahun.

Malaysia sememangnya merupakan satu-satunya negara yang telah mengambil langkah untuk memperkasakan pengurusan prestasi pentadbiran Kerajaan Persekutuan berlandaskan kaedah KPI untuk anggota-anggota Jemaah Menteri dan perkhidmatan awam pada amnya. Ini sesungguhnya mencerminkan komitmen Kerajaan Persekutuan kepada rakyat untuk meningkatkan lagi mutu sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan, selaras dengan cogan kata “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Dilltamakan”.

No: 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH (KALABAKAN)
TARIKH	06.04.2010 (SELASA)
SOALAN	27

DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH (KALABAKAN) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan:-

- (a) apakah pihak Kementerian maklum bahawa penjualan CD, VCD, DVD dan Blue Ray haram yang dulu hanya terdapat di Semenanjung sudah berpindah ke Sabah secara berleluasa; dan
- (b) jika maklum mengapakah ini dibiarkan berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- a) Kementerian sentiasa memberi tumpuan bagi menangani penjualan cakera optik cetak rompak tidak kira di Semenanjung Malaysia, Sabah

atau Sarawak. Faktor permintaan yang tinggi dan harga murah telah menyebabkan lanun cetak rompak ini memindahkan aktiviti mereka ke Sabah.

- b) Pelbagai usaha dan langkah penguatkuasaan telah dan terns diambil bagi menangani isu ini, antaranya:
- i. melaksanakan gerak gempur cetak rompak ke atas premis tetap dan terbuka yang menjual cakera optik cetak rompak di seluruh negara;
 - ii. mempertingkatkan gerakan pemantauan dan pemeriksaan ke atas premis tetap yang menjual cakera optik secara berkala;
 - iii. menjalankan risikan ke atas kilang-kilang tidak berlesen (kilang haram) serta pemantauan dan pemeriksaan ke atas kilang-kilang berlesen;
 - iv. mengerakkan Pasukan Petugas Khas membanteras cetak rompak yang dianggotai oleh Agensi penguatkuasaan lain antaranya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, , PDRM, KASTAM, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan
 - v. cadangan pindaan di bawah Akta Hakcipta 1987 pindaan 2010 untuk memasukkan mana-mana orang yang memiliki walaupun satu salinan langgaran adalah merupakan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan.

Pada tahun 2009, sejumlah 9 kes telah dihasilkan bagi keseluruhan negeri Sabah

yang melibatkan rampasan cakera optik cetak rompak bernilai RM142,515.00.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR

TARIKH: 6 APRIL 2010

SOALAN:

Y.B. Tuan Haji Ab. Aziz bin Ab. Kadir (Ketereh Kuala Langat] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan jumlah tenaga kerja asing yang terlibat dalam industri di luar bandar. Apakah kesan sosial dan ekonomi kepada negara akibat kebanjiran tenaga kerja asing di luar bandar.

PR-1231-L35691

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KSM) tidak mempunyai rekod jumlah sebenar tenaga kerja asing yang terlibat dalam industri di luar bandar. Walaubagaimanapun, sehingga 28 Februari 2010, seramai 1,803,260 orang pekerja asing bekerja di Malaysia. Bilangan mengikut sektor adalah seperti berikut:-

Bilangan		<i>ix\J\$</i>
1	Pembantu Rumah	224,544
2	Pembinaan	288,722
3	Pembuatan	688,886

4	Perkhidmatan	180,890
5	Perladangan	256,382
6	Pertanian	163,836

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sedar kesan sosial dan ekonomi yang dibawa oleh pekerja asing, namun Kerajaan sentiasa berusaha untuk menanganinya. Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mewujudkan makmal (*Jab*) khusus untuk membincangkan secara terperinci pendekatan holistik Kerajaan dalam menangani keperluan gunatenaga asing di negara ini. Hasil daripada *lab* tersebut, adalah diharapkan Kerajaan akan dapat menentukan keperluan sebenar gunatenaga asing dan mengenalpasti sektor-sektor yang memerlukan pekerja asing. Langkah ini juga bagi membendung kesan sosial dan ekonomi akibat kemasukan pekerja asing.

SULIT

NO SOALAN : 29

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

	LISAN
PERTANYAAN :	Y.B DATUK WIRA
DARIPADA	AHMAD BIN HAJI
	HAMZAH (JASIN)
TARIKH	06.04.2010
	(SELASA)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah perkembangan tentang cadangan mewujudkan Majlis Industri Pertahanan ASEAN dan apakah bentuk inisiatif penyelidikan dan pembangunan yang disediakan untuk menjadikan industri pertahanan tempatan yang berdaya maju.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Semasa *ASEAN Defence Minister's Meeting (ADMM), Retreat* yang berlangsung pada 3 November 2009 di Bangkok, Thailand, Kementerian Pertahanan telah mengemukakan cadangan menjalinkan kerjasama negara ASEAN dalam industri pertahanan. Pada dasarnya, cadangan ini telah disambut baik oleh semua negara anggota ASEAN. Bagaimanapun mesyuarat berpendapat konsep kerjasama dalam bidang berkenaan perlu diperhalusi supaya negara dapat memahami dan menghayati konsep berkenaan.

Dalam pada itu, Indonesia, Thailand dan Laos berpendapat kerjasama ini perlu dibuat berdasarkan kesesuaian industri pertahanan sesebuah negara itu sendiri. Manakala Brunei Darussalam pula berpandangan bahawa cadangan ini memberi peluang kepada negara-negara kecil untuk sama-sama mendapat manfaat. Berdasarkan keputusan tersebut, Malaysia dikehendaki menyediakan kertas konsep untuk dibentangkan dalam mesyuarat ADMM akan datang.

Segala bentuk kerjasama serta inisiatif penyelidikan dan pembangunan yang bakal disediakan masih dalam peringkat

SULIT

perbincangan dan memerlukan persetujuan semua negara anggota ASEAN.

NO.AUM : 35

NO. AUP : SO

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN WEE CHOO KEONG [WANGSA MAJU]
TARIKH 6 APRIL 2010
RUJUKAN 2447

SOALAN:

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

(a) a
pakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak polis bagi mengurangkan kadar jenayah seluruh negara dan terutamanya di Wangsa Maju;; dan

(b)

b

berapa banyakkah laporan polis berkaitan jenayah yang telah dibuat di Wangsa Maju pada tahun 2009 dan berapa banyakkah yang telah diselesaikan dan didakwa di mahkamah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Wangsa Maju yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a), beberapa langkah telah diambil oleh pihak polis bagi mengurangkan kadar jenayah di Kuala Lumpur umumnya dan Wangsa Maju khasnya melalui pelaksanaan program *Community Policing* serta penubuhan Unit Sukarelawan Kempen Pencegahan Jenayah yang dilancarkan pada 4 Julai 2009 yang lalu bertempat di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Rejang. Kawasan tersebut adalah di bawah pentadbiran Balai Polis Wangsa Maju dan telah dipilih sebagai *Pilot Project* berdasarkan kepada faktor senario jenayah di kawasan berkenaan dan kawasan sekitarnya.

Selain itu, pihak polis turut sama-sama menjayakan program Inisiatif Bandar Selamat (IBS) yang ditubuhkan di kawasan Kuala Lumpur Suburban Centre (KLSC) yang merangkumi kawasan Wangsa Maju dan Setapak.

Pihak polis juga turut terlibat dalam Program Gerakan Tumpuan iaitu satu program usaha sama di antara Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi-agensi Kerajaan yang lain di kawasan Sri Semarak.

Operasi-operasi pencegahan jenayah di kawasan Wangsa Maju turut diadakan secara berkala dan bersepadu melibatkan semua jabatan dalam PDRM bagi membendung jenayah curi kenderaan, pecah rumah, maksiat, pelacuran, kongsi gelap, perjudian haram, rempit, lumba haram, cetak rompak dan penipuan.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan (b) pula, pada tahun 2009, Balai Polis Wangsa Maju telah menerima sebanyak 1,715 laporan berhubung kes jenayah. Daripada jumlah tersebut, pihak polis telah berjaya menyelesaikan sebanyak 907 kes atau 43.1% iaitu termasuk jumlah tangkapan, rampasan dan jumlah barang curi yang berjaya ditemui semula. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 50 kes telah didakwa di mahkamah.

Soalan No: 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN TUAN

DARIPADA

CHUA TEE YONG 6

TARIKH

APRIL 2010 (SELASA)

SOALAN

NO.31

Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI

menyatakan apakah kriteria-kriteria bagi pelajar di institusi pengajian tinggi tempatan yang layak menerima pakej komputer riba (*notebook*) dan bagaimanakah pelaksanaan atau pemberian komputer riba dilakukan.

JAWAPAN Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah berkerjasama dengan Telekom Malaysia Berhad (TM) bagi melancarkan pakej jalur lebar untuk pelajar IPTA dan IPTS, yang dipanggil Streamyx Cool UNI Pack. Pakej ini menawarkan para pelajar satu gabungan yang merangkumi akses jalur lebar percuma dan *netbook* dari RM50 sebulan untuk tempoh 24 bulan. Pakej Streamyx Cool UNI Pack ini dilancarkan secara rasminya oleh Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak, bersempena dengan Pelancaran Digital Pekan 1 Malaysia di Dewan Konvensyen Sultan Haji Ahmad Shah di Pekan, Pahang pada 30 Januari 2010.

Pakej ini terbuka kepada semua pelajar IPTA dan IPTS tahun pertama dan kedua daripada kumpulan keluarga berpendapatan di bawah RM3,000.00. Tempoh kontrak minimum adalah 24 bulan dan bayaran penalti sebanyak RM600 akan dikenakan sekiranya kontrak ditamatkan kurang daripada 2 tahun. Penghantaran *netbook* kepada pelajar akan mengambil masa 14 hari bekerja setelah proses pendaftaran berjaya.

NO. AUM : 39

NO.AUP : 2^

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN

DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [TUMPAT]

DARIPADA

6 APRIL 2010

TARIKH

2449

RUJUKAN

SOALAN:
**Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta MENTERI DALAM
NEGERI menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk
memansuhkan undang-undang yang mewajibkan penerbit dan
pencetak memerlukan permit sebelum beroperasi.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada YB yang mengemukakan soalan.

Buat masa ini Kementerian tidak bercadang untuk memansuhkan peruntukan Seksyen 3 dan Seksyen 5 Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 yang mewajibkan penerbit dan pencetak memerlukan permit sebelum beroperasi.

Walau bagaimanapun, Kementerian kini dalam usaha membuat penyemakan dan menambahbaik Akta tersebut bagi menjadikannya lebih relevan dan dinamik .

NO SOALAN: 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : YB TENGGU RAZALEIGH HAMZAH

TARIKH : 6 APRIL 2010 (SELASA)

SOALAN :

Tengku Razaleigh Hamzah [Gua Musang] minta PERDANA MENTERI menyatakan maksud kenyataan Peguam Negara mahu membawa mereka yang terlibat dalam kes kehilangan enjin jet ke muka pengadilan. Apakah mahkamah awam boleh membicarakan anggota tentera dan Peguam Negara berkuasa membuat pendakwaan terhadap kes seumpama ini.

NO SOALAN: 33

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Berkenaan dengan persoalan sama ada mahkamah awam boleh membicarakan anggota tentera, untuk makluman, seseorang anggota tentera adalah tertakluk kepada undang-undang perkhidmatan di bawah Akta Angkatan Tentera 1972 (*Akta 77*) dan di bawah seksyen 103 Akta 77, sesuatu mahkamah tentera mempunyai kuasa untuk membicarakan mana-mana orang yang tertakluk kepada undang-undang perkhidmatan di bawah Akta ini atas apa-apa kesalahan yang boleh dibicarakan oleh mahkamah tentera di bawah Akta itu dan untuk menjatuhkan apa-apa hukuman yang dibenarkan oleh Akta bagi kesalahan itu. Kes-kes sedemikian termasuk kes bagi kesalahan berhubung dengan harta awam dan harta perkhidmatan di bawah seksyen 61 Akta 77 merupakan kes-kes yang disiasat dan dilaporkan oleh Bahagian Provos Marsyal, Angkatan Tentera Malaysia.

Walaupun sesuatu kesalahan yang dilakukan oleh anggota tentera seperti yang diperuntukkan di bawah Bahagian V Akta 77 merupakan kesalahan yang berada di bawah bidang kuasa mahkamah tentera, pihak Angkatan Tentera boleh melaporkan kesalahan itu kepada pihak polis untuk tindakan lanjut mengikut kehendak dan keperluan kes itu seperti yang dilakukan bagi kes kehilangan enjin jet ini. Dalam hal sedemikian, pihak polis akan menjalankan siasatan dan merujuk kepada Peguam Negara sebagai Pendakwa Raya untuk mendapatkan apa-apa keputusan sebelum

prosiding jenayah dimulakan dimahkamah awam terhadap anggota tentera yang terlibat. Oleh hal yang demikian, sekiranya kesalahan tersebut dalam siasatan pihak polis, maka jika Peguam Negara mendapati bahawa terdapat bukti yang mencukupi bagi sesuatu kes, beliau boleh mengarahkan pendakwaan ke atas anggota tentera itu di mahkamah awam.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN TUAN MOHD
DARIPADA :	FIRDAUS BIN JAAFAR
TARIKH	6 APRIL 2010 (SELASA)
SOALAN	N0.34

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah IPTS di seluruh negara dan senaraikan IPTS dan kursus-kursusnya yang tidak mendapat pengiktirafan *Malaysian Qualifications Agency* (MQA).

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Mac 2010, bilangan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi ialah sebanyak 439 buah, iaitu 20 buah IPTS bertaraf universiti, 22 buah bertaraf kolej universiti, 5 buah kampus cawangan universiti luar negara dan 392 IPTS bertaraf kolej.

Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Agency*, MQA) mengeluarkan perakuan akreditasi bagi program pengajian yang telah mencapai tahap standard kualiti yang ditetapkan dan bukannya pengiktirafan. Status akreditasi yang dikeluarkan oleh MQA biasanya dijadikan asas kepada pihak berkepentingan termasuk JPA untuk mengiktiraf sesuatu program atau kelayakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Februari 2010, MQA telah menjalankan penilaian akreditasi terhadap 1,087 program pengajian. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,065 program telah mendapat perakuan akreditasi,

manakala sebanyak 22 permohonan telah ditolak. Program pengajian yang gagal mendapat perakuan akreditasi adalah disebabkan oleh perkara seperti berikut:

- i. kemudahan pembelajaran yang tidak memuaskan;
- ii. kurikulum program yang tidak mematuhi standard yang ditetapkan;
- iii. tenaga pengajar yang tidak menepati kriteria; dan
- iv. pengendalian mata pelajaran wajib (MPW) tidak mencapai tahap yang memuaskan.

Di antara program yang tidak mendapat akreditasi MQA ialah:-

- i. *Diploma in Computer Programming and Applications* daripada Lincoln College;
- ii. Diploma Pengurusan Penyiaran dan Diploma Penyiaran daripada Institut Media Integratif Malaysia;
- iii. Critical Care Nursing daripada Kolej Antarabangsa Kejururawatan dan Sains Kesihatan KPJ;
- iv. Group Diploma Tahap 3 London Chamber of Commerce and Industry (LCCI) - Business Studies Group Award daripada Institut J & L;
- v. Diploma Sains Komputer dan Teknologi Maklumat dan Diploma Pengurusan Perniagaan daripada Institut Teknologi Maha;
- vi. Diploma Psikologi (Industri dan Organisasi) daripada Kolej Teknologi Kejuruteraan Perak; dan
- vii. *Diploma in Business Management* daripada Kolej Putrajaya.

Bagi permohonan yang tidak mendapat perakuan akreditasi, pihak IPTS hendaklah memohon semula kepada MQA sebagai permohonan yang baru (*fresh application*). Jika tidak, kelulusan mengendalikan program boleh ditarik balik oleh pihak Kementerian.

NO. AUM : 26

NO. AUP : 3> 5

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

	DEWAN RAKYAT LISAN
PERTANYAAN	DATO' ISMAIL BIN KASIM [ARAU]
DARIPADA	6 APRIL 2010
TARIKH	2585
SOALAN : RUJUKAN :	

Dato' Ismail Bin Kasim [Arau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah-langkah tegas dalam penguatkuasaan ke atas pesalah-pesalah trafik terutama yang melibatkan pengangkutan awam selepas beberapa kemalangan negeri yang jelas berpunca daripada faktor kecuaiian pemandu sendiri.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Arau yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pihak polis dari semasa ke semasa sentiasa mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan ke atas pesalah trafik bagi tujuan menimbulkan kesedaran dan meningkatkan pematuhan kepada undang-undang jalan raya.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam menangani hal ini, Kementerian telah menjalankan beberapa langkah-langkah tegas antaranya menyenarai hitamkan pesalah-pesalah yang mempunyai saman-saman tertunggak. Kementerian percaya tindakan seumpama ini dapat membentuk sikap pemandu menjadi pemandu yang berhemah dan menghormati undang-undang jalanraya. Di samping itu bagi mengubah sikap pengguna jalanraya, pihak polis telah mengadakan kempen-kempen secara berterusan bagi meningkatkan kesedaran pengguna jalanraya supaya lebih mematuhi undang-undang jalanraya dan mengamalkan pemanduan berhemah.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak polis juga telah mengadakan Operasi Bersepadu bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi membendung kejadian kemalangan ngeri khususnya yang melibatkan kenderaan awam. Selain daripada itu, kementerian juga telah merangka pelbagai langkah sebagai salah satu inisiatif untuk memberi kesedaran kepada pengguna jalan raya khususnya pengguna pengangkutan awam. Antara aktiviti tersebut adalah:

1. Khidmat advocacy (nasihat);
2. Nasihat waktu perjalanan pergi dan pulang dari destinasi;
3. Kehadiran secara fizikal Polis-polis trafik; dan
4. Kawalan lalulintas semasa kesesakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YB Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
TARIKH	6 APRIL 2010 (Selasa)
SOALAN	Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah KPI dan sukatan yang digunakan oleh Kerajaan untuk melanjutkan tempoh penjawat pegawai kanan di mana Hassan Merican tidak dilanjutkan perjawatannya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di Petronas manakala Musa Hassan telah dilanjutkan sebagai IGP.

JAWAPAN: (YB TAN SRI DR KOH TSU KOON)

Untuk makluman, keputusan tempoh mengenai pelanjutan perkhidmatan pegawai kanan dalam perkhidmatan awam, termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan tentera serta syarikat-syarikat milikan Kerajaan, seperti Petronas adalah di bawah kuasa budibicara YAB Perdana Menteri.

Sebagai maklumat ringkas, Tan Sri Hassan Merican telah mula menyertai

No. SOALAN: 26

Petronas pada 1989 sebagai Naib Presiden Kanan (Kewangan). Seterusnya, beliau telah dilantik sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas mulai tahun 1995 sehingga tamat kontrak perkhidmatannya pada Februari 2010.

Tan Sri Musa Hassan mula menyertai Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebagai Inspektor Pelatih pada tahun 1969 sehingga dilantik sebagai Ketua Polis Negara pada November 2006. Setelah mencapai tahap persaraan wajib, beliau dilantik semula secara kontrak sebagai Ketua Polis Negara untuk tempoh satu tahun berkuatkuasa mulai 13 September 2009 sehingga 12 September 2010 ini.

Atas perkhidmatan cemerlang dan jasa bakti kepada Negara, Tan Sri Hassan Merican dan Tan Sri Musa Hassan telah dianugerahkan gelaran yang membawa "Tan Sri" oleh Yang di-Pertuan Agong.

(KKAS) serta operator-operator air di negeri Sarawak iaitu Jabatan Kerja Raya Sarawak, Lembaga Air Kuching, Lembaga Air Sibu dan LAKU Management Sdn. Bhd.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Perancangan bagi melaksanakan program-program bekalan air dalam RMKe-10 di Negeri Sarawak telah dikemukakan kepada Kementerian saya dan telah diteliti berdasarkan Bidang Keberhasilan Utama (KRA) RMKe-10 yang telah ditetapkan. Setelah diperincikan, cadangan-cadangan tersebut kemudiannya diperakukan kepada Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) untuk dipertimbangkan sebagai projek di bawah RMKe-10.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi Program Rancangan Bekalan Air Sarawak, 3 projek telah diperakukan untuk dilaksanakan di dalam kawasan Sri Aman ialah:

- (i) Pembinaan Loji Kolam Takungan dan Paip Untuk Bekalan Air Sri Aman (sambungan);
- (ii) Program Pengurangan Air Tidak Berhasil (NRW) Negeri Sarawak (sambungan); dan
- (iii) Membaik pulih Sistem Agihan di Negeri Sarawak (baru). Sungguhpun

projek-projek tersebut telah diperakukan oleh Kementerian saya, kelulusan melaksanakannya akan diputuskan oleh Kerajaan.

kk) Sn

SJ,B/(5)

suku keempat disokong oleh aktiviti yang lebih cergas bagi subsektor bukan kediaman dan kerja-kerja pertukangan khas berikutan pelaksanaan projek-projek di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE).

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 5 Mac 2010, sejumlah peruntukan RM20.7 bilion telah diagihkan kepada Kementerian dan agensi yang mana sebanyak RM6.7 bilion di bawah PRE 1 dan RM14 bilion bagi PRE 2. Di bawah kedua-dua PRE ini, sebanyak 117,412 projek bernilai RM16.9 bilion sedang dan telah dilaksanakan dan sejumlah RM13.9 bilion pembayaran telah dibuat. Sebanyak 111,461 projek telah siap dibina. Sebahagian besar projek adalah kerja-kerja membina dan membaik pulih rumah serta penambahbaikan sistem pengangkutan awam, pembangunan modal insan berkualiti dan pembinaan, membaik pulih serta menaik taraf sekolah, balai polis, hospital, jalan dan lain-lain.

Bagi negeri Sabah, sebanyak RM1.1 bilion diperuntukkan iaitu RM597.5 juta bagi PRE 1 dan RM548.2 juta bagi PRE 2. Sehingga 11 March 2010, sejumlah RM680.6 juta telah dibelanjakan. Sebahagian besar adalah bagi membiayai projek PIA dan PIAS, projek infrastruktur Sabah, penyelenggaraan rumah PPR, pembelian tambahan set jana kuasa dan menaik taraf sekolah, klinik, hospital, balai polis, jalan kampung serta jalan luar bandar.

Bagi negeri Sarawak pula, sebanyak RM1.7 bilion diperuntukkan iaitu RM426.7 juta bagi PRE 1 dan RM1.3 bilion bagi PRE 2. Sehingga 11 Mac 2010, sejumlah RM1.4 bilion telah dibelanjakan. Sebahagian besar adalah bagi membiayai projek PIA dan PIAS, projek bali pulih infrastruktur akibat banjir dan menaiktaraf dan membaikpulih jalan, pembinaan Estet Perindustrian Kota Samarahan dan Tebedu serta menaiktaraf dan meningkatkan kemudahan pelancongan di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan perkembangan ekonomi semasa adalah jelas PRE telah berjaya menyuntik ke dalam sistem ekonomi negara dan seterusnya merancak pertumbuhan ekonomi.

Soalan No : 39

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN MATULIDI BIN JUSOH (DUNGUN)
TARIKH	06.04.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN MATULIDI BIN JUSOH [DUNGUN] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bercadang membina lebih banyak sekolah menengah agama di seluruh negara khususnya di Terengganu memandangkan permintaan yang tinggi di kalangan ibu bapa kepada sekolah berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dan memberi peluang kepada semua murid untuk mendapat pendidikan yang mereka minati termasuk dalam aliran agama. Sehingga Januari 2010, terdapat 55 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan 156 buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang berdaftar dengan KPM di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di negeri Terengganu terdapat 6 buah SMKA dan 14 buah SABK. Jumlah tersebut dapat menampung keperluan murid yang mengikuti aliran agama. Selain daripada SMKA dan SABK tersebut, murid juga berpeluang mengikuti kelas aliran agama yang ditawarkan di sekolah menengah harian terpilih. Begitu juga dengan Sekolah Agama Negeri (SAR) dan Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang terdapat di Terengganu.

Rjm 91

tampuk pimpinan negara. Dalam jangkamasa 2 tahun ini, perancangan terperinci kini sedang dibuat untuk menyediakan jalankerja untuk dilaksanakan (*blueprint for implementation*) supaya pelaksanaan secara berperingkat boleh dijalankan dalam RMK10 dan RMK11. Untuk menjayakan perancangan ini, pandangan dan maklumbalas dari pelbagai pihak berkepentingan dan juga orang ramai akan terus dijemput dan diambilkira. Ini adalah untuk memastikan *blueprint* yang disediakan dapat menangani dengan cara yang terbaik isu-isu sistem kesihatan yang dihadapi. Semasa penyediaan *blueprint* ini, perancangan dan aktiviti yang telah dimantapkan akan dijalankan dahulu dengan projek printis bersama pemantauan dan penilaian terperinci untuk memastikan bahawa sebarang isu implementasi juga diatasi.

Penelitian rapi yang telah mengambil masa sekian lama dan akan berlanjutan ini adalah untuk memastikan semua aspek yang relevan diambil kira termasuk keadaan semasa sosio-ekonomi negara serta maklumbalas orang ramai. Kerajaan perlu memastikan bahawa skim pembiayaan yang wujud adalah *sustainable* dan mampu melindungi rakyat daripada risiko pembiayaan yang membebankan (*financial protection from catastrophic expenditure*). Kerajaan menerusi Kementerian Kesihatan Malaysia, Agensi Pusat Perunding Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan Perunding tempatan telahpun menjalankan kajian seperti analisa risiko, implikasi kewangan jangka panjang dan mendapatkan pendapat serta maklumbalas dari kumpulan berkepentingan (*stakeholders*), sebagai input kepada satu model penyampaian perkhidmatan kesihatan dan pembiayaan kesihatan yang sesuai bagi Malaysia dalam tahap pembangunan negara masakini dan masa depan. Namun pelbagai kajian lain dan perkembangan sistem serta aktiviti peningkatan mutu perkhidmatan perlu dijalankan dalam jangkamasa penyediaan *blueprint* dan juga dalam tempoh RMK10 dan RMK11.

NO. SOALAN: *tyl*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]
TARIKH	06 April 2010 (SELASA)

SOALAN :

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta^ MENTERI
menyatakan faktor-faktor kebocoran maklumat
keselamatan Negara dan langkah mengatasinya

JAWAPAN : Y.B. DATO' SERI MOHAMEP NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Kebocoran maklumat keselamatan Negara adalah akibat daripada faktor-faktor luaran dan dalaman. Faktor-faktor luaran lazimnya berpunca daripada kegiatan operasi pertubuhan perisikan Negara Asing, kegiatan pelampau dan pihak-pihak yang tidak mendapat kebenaran sama ada secara kumpulan atau orang perseorangan untuk kepentingan pihak-pihak tertentu.

Faktor-faktor dalaman adalah akibat daripada kelemahan-kelemahan manusia, tiada integriti, kemungkinan akibat sebilangan penjawat awam atau pihak-pihak yang dibenarkan mengurus maklumat keselamatan negara cuai, lalai, gagal melaksanakan dan menguatkuasakan semua peruntukan Undang, Dasar, Peraturan, Arahan dan prosedur keselamatan perlindungan yang ditetapkan.

Di samping itu, perkembangan terkini teknologi ICT turut menjadi

faktor penyumbang kepada kebocoran maklumat keselamatan Negara.

Selain

kecuaiian dan kelalaian, ianya juga berakibat daripada kegiatan penyalahgunaan dan ketidakpatuhan keperluan bagi keselamatan perlindungan terhadap kemudahan ICT, internet, peranti mudah alih seperti telefon bimbit, PDA, komputer riba, media storan dan sebagainya.

Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri bertanggungjawab untuk memberikan khidmat nasihat keselamatan perlindungan dan juga menetapkan langkah-langkah mengatasi kebocoran maklumat keselamatan Negara meliputi:

- i. memperbanyakkan program pendidikan keselamatan seperti Seminar, Konvensyen, dialog, kursus, ceramah, taklimat bagi memupuk dan mempertingkatkan kesedaran keselamatan secara berterusan kepada penjawat awam atau mana-mana pihak yang terlibat menguruskan maklumat keselamatan negara;
- ii. mempergiatkan Inspektorat Keselamatan untuk membantu, menilai dan memantau untuk meningkatkan tahap

Keselamatan Perlindungan di Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan dan instalasi Sasaran Penting meliputi aspek keselamatan perlindungan terhadap fizikal, dokumen, peribadi dan ICT;

- iii. memantau pelaksanaan dan pematuhan langkah-langkah perlindungan rahsia rasmi Kerajaan bertepatan peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88), Arahan Keselamatan dan Pekeliling-Pekeliling Keselamatan yang ditetapkan;**
- iv. menjalankan Tapisan Keselamatan untuk memeriksa latar belakang penjawat awam atau mana-mana pihak yang menguruskan perkara rahsia rasmi atau berkaitan keselamatan Negara bagi menentukan bebas daripada kegiatan subversif, espionaj, sabotaj atau jenayah;**
- v. menguatkuasakan keperluan untuk menandatangani Perakuan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) sebagai peringatan dan sentiasa berwaspada untuk menyimpan atau tidak mendedahkan**

maklumat diperoleh

berdasarkan prinsip “Perlu Mengetahui” semasa atau selepas berkhidmat dengan Kerajaan;

- vi. memastikan Ketua Jabatan bertanggungjawab sepenuhnya mengenai keselamatan perlindungan dan mengambil tindakan tegas terhadap kes kebocoran maklumat keselamatan Negara; dan**
- vii. memastikan Ketua Jabatan merujuk untuk memperkasa dan membudayakan Keselamatan Perlindungan di Jabatan masing-masing.**

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT (Aft) ~ SoAt-jSr^'T' ^2.

PERTANYAAN **JAWAB LISAN**

DARIPADA **YB HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA**

TARIKH **6 APRIL 2010 (SELASA)**

**AGENSI MENJAWAB: PEJABAT PERDANA MENTERI INPUT JABATAN
PEGUAM NEGARA**

SOALAN

Tuan Haji NasharucJin bin Mat Isa [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk menaikkan taraf Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Sivil / Syarak menjadi suatu suruhanjaya dan memiliki pekerja-pekerja sendiri secara sepenuh masa.

JAWAPAN: **YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz**

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan untuk menaik taraf Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Sivil/Syarak sebagai suatu suruhanjaya dan memiliki pekerja-pekerja sendiri secara sepenuh masa kini sedang dikaji oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Kajian yang mendalam mengenai cadangan ini perlu dibuat bagi memastikan ia selaras dengan peruntukan Persembagaan Persekutuan dan undang-undang lain yang berkuat kuasa.

Cadangan ini perlu dikemukakan untuk persetujuan dan perkenan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) dan Majlis Raja-Raja terlebih dahulu sebelum cadangan ini boleh dilaksanakan. Ini adalah kerana Jawatankuasa Teknikal

Undang-undang Sivil/Syarak telah ditubuhkan di bawah suatu jawatankuasa yang diwujudkan oleh MKI, iaitu Jawatankuasa Mengkaji Undang-Undang Syarak dan Sivil pada 6 Mei 1988.

Uo; 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :

BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA

YB TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG]

TARIKH SOALAN

6 APRIL 2010

[43]

: YB TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG]

minta MENTERI LUAR NEGERI

menyatakan apakah sumbangan ASEAN Inter-parliamentary Myanmar Caucus (AIPMC) membantu menyelesaikan konflik yang berlaku masih tidak selesai di Myanmar. Apakah pendirian Malaysia terkini dalam membantu ASEAN untuk lebih maju ke depan di samping tidak meninggalkan Myanmar yang masih dibelenggu dengan konflik hak asasi manusia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Subang di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, ASEAN Inter-Parliamentary Myanmar Caucus (AIPMC) yang ditubuhkan pada tahun 2004 dianggotai oleh Ahli-Ahli Parlimen dari ASEAN termasuk beberapa Ahli Yang Berhormat dari Malaysia. Adalah difahamkan bahawa badan ini ditubuhkan dengan tujuan untuk membawa demokrasi ke Myanmar melalui pelaksanaan beberapa objektif seperti pembebasan tanpa syarat Daw Aung San Suu Kyi dan tahanan-tahanan politik lain di Myanmar, pelaksanaan Pilihanraya Umum yang adil dan bebas serta pembentukan Parlimen Myanmar yang dipilih secara sah melalui Pilihanraya. Bagaimanapun, penjelasan lanjut mengenai sumbangan badan ini dalam membantu menyelesaikan konflik yang masih tidak selesai di Myanmar seperti yang dipinta oleh Yang Berhormat Subang mungkin boleh diberi oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Malaysia yang menganggotai badan ini.

2. Berkenaan usaha-usaha membantu Myanmar, Malaysia dan Negara-Negara Anggota ASEAN yang lain akan terus menjalinkan perhubungan yang membina iaitu "*constructive engagement*", *dengan izin* dalam usaha membantu ke arah proses pendemokrasian, pendamaian nasional dan pembangunan negara tersebut. ASEAN juga

akan terus menekankan kepentingan Myanmar mencapai pendemokrasian dan pendamaian nasionalnya secara dialog. Di samping itu, ASEAN akan terus menggesa supaya pilihan raya umum Myanmar yang dijadualkan pada tahun 2010 diadakan secara adil, bebas, telus dan menyeluruh, agar ianya memberikan kredibiliti kepada negara tersebut di kaca mata masyarakat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: W

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA YB TUAN SIM TONG HIM
TARIKH 6 APRIL 2010

SOALAN :

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) sebab-sebab pemindahan SPRM Cawangan Negeri Selangor dan alamat barunya dengan tarikh mula operasinya; dan**
- (b) adakah kes mendiang Teo Beng Hock salah satu sebab utama pemindahan ini.**

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMEP NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Perancangan perpindahan pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor dari Plaza Masalam ke Wisma Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) telah dibuat sejak Januari 2009 lagi bagi menampung pertambahan keanggotaan dari 67 orang kepada 123 orang selaras dengan waran perjawatan No.SPRM 1802/02/02/01 yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 28.10.2008. SPRM Negeri Selangor telah beroperasi di premis baru mulai 1 Mac 2010 setelah semua urusan pentadbiran dan penjanjian dimeterai dengan pihak PKPS. Alamat baru SPRM Negeri Selangor adalah di Tingkat 7 & 8, Wisma PKPS, Persiaran Perbadanan, Seksyen 14, Shah Alam, Selangor.

Perpindahan ini tiada kaitan langsung dengan kes kematian mengejut mendiang Teoh Beng Hock kerana jelas perancangan awal perpindahan telah dibuat pada bulan Januari 2009 sedangkan kes kematian mengejut tersebut berlaku pada bulan Julai 2009. Disamping dapat memberi lebih keselesaan kepada pegawai SPRM yang bertambah bilangan keanggotaannya dan orang ramai yang datang berurusan, premis baru ini turut dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan yang lebih baik seperti bilik kebal dan *Closed Circuit Television (CCTV)* (dengan izin).

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUA BELAS TAHUN 2010
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA YB MICHAEL JEYAKUMAR
 DEVARAJ (SUNGAI SIPUT)

TARIKH 06.04.10 (SELASA)

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan:

Respons Kementerian terhadap permintaan masyarakat Orang Asli agar tanah seluas 25 ekar sekeluarga digazet untuk mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang berhormat, Kementerian ini menerusi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) telah meningkatkan usaha dengan mewujudkan Dasar Pemberimilikan dan Pembangunan Tanah kepada Orang Asli bagi merealisasikan hasrat pemilikan tanah di kalangan masyarakat Orang Asli.

Kementerian ini bersetuju, malah dasar ini juga tidak menghalang mana-mana Orang Asli untuk memiliki tanah lebih daripada yang telah diluluskan dalam dasar tersebut.

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa kuasa melulus/mengiktiraf mana-mana tanah sebagai Kawasan Orang Asli (KOA) atau Rizab Orang Asli dan pemberimilikan tanah kepada Orang Asli adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Sehubungan itu pelaksanaan pemberian dan keluasan hak milik tanah tersebut adalah tertakluk kepada kemampuan dan budi bicara negeri-negeri berkaitan.

Untuk makluman Yang Berhormat berdasarkan perbincangan dan mesyuarat yang telah diadakan bersama pihak Kerajaan Negeri, didapati secara umumnya mereka amat prihatin dan fleksibel kepada masyarakat Orang Asli, sehingga bersetuju untuk menerima dasar tanah yang khusus untuk kepentingan masyarakat Orang Asli.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB TUAN JEFF OOI CHUAN AUN

[JELUTONG]

TARIKH

6 APRIL 2010

SOALAN

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan merestui dan menyokong kegiatan Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO's) seperti PERKASA dan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) yang mengapi-apikan

NO. SOALAN ^

sentimen perkauman dengan berlandaskan retorik ketuanan Melayu.
Tidakkah ia bercanggah dengan matlamat perpaduan rakyat menerusi
Gagasan 1 Malaysia.

YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Gagasan 1 Malaysia merupakan satu gagasan yang mendokong Perlembagaan Persekutuan. Setiap individu warganegara Malaysia mempunyai hak masing-masing yang telah tertulis di dalam perlembagaan. Kewujudan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan perjuangan mereka adalah selaras dengan dasar dan perlembagaan penubuhan NGO itu sendiri. Malahan, ianya tidak sama sekali berhubung kait dengan dasar Kerajaan.

Sekian, Terima kasih.

NO. SOALAN: 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF

[RANTAU PANJANG]

TARIKH: 6 APRIL 2010

SOALAN

Y.B. Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa Kelantan dinafikan hak royalti 5 peratus sedangkan Sabah dan Sarawak mendapat hak royalti walaupun kedudukan telaga minyaknya lebih jauh dari Kelantan.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari segi perundangan, negeri-negeri di Semenanjung hanya mempunyai hak untuk menuntut pembayaran royalti bagi sumber petroleum yang dihasilkan daripada perairan negeri tersebut. Dalam hal ini, perairan negeri masing-masing adalah ditakrifkan sebagai kawasan yang terletak tidak melebihi tiga batu nautika yang diukur dari tikas air surut (*low water mark*, dengan izin) atau pesisir pantai negeri tersebut.

Pada masa ini, tidak ada pengeluaran petroleum dalam kawasan perairan negeri-negeri di Semenanjung. Oleh itu, dari segi perundangan, negeri-negeri berkenaan tidak ada hak untuk menuntut pembayaran royalti petroleum.

Kedudukan negeri Sabah dan Sarawak adalah berbeza di atas sebab sejarah dan hak istimewa yang diiktiraf semasa kedua-dua negeri tersebut menyertai Malaysia. Sebelum menyertai Malaysia, kedua-dua negeri ini telahpun mengamalkan hak ke atas sumber petroleum meliputi pelantar benua melalui perintah *North Borneo (Alteration of Boundaries) Orders-In-Council 1954* dan *Sarawak (Alteration of Boundaries) Orders-In-Council 1954*. Semasa menyertai Malaysia, kedua-dua negeri tersebut terus mengekalkan hak ke atas pelantar benua serta manfaat daripada hasil petroleum yang diperolehi di luar kawasan 3 batu nautika.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan	PERTANYAAN JAWAB LISAN
Daripada	Datuk Chua Soon Bui [Tawau]
Tarikh Menjawab	6 April 2010 (Selasa)
Soalan	[No. 48]

Datuk Chua Soon Bui (Tawau) minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan:

- (a) Apakah jumlah cukai yang dikutip dari Sabah dan Tawau daripada cess sawit dan produk-produk kilang sawit, koko, kayu bagi setiap tahun dari 2005 hingga sekarang; dan**
- (b) Apakah rancangan untuk memberi insentif kepada pengusaha-pengusaha industri sawit yang menghadapi masalah infrastruktur asas dan penanaman semula di Sabah.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, terdapat tiga jenis cukai yang dikenakan ke atas industri sawit negara iaitu:

- i. Ses Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sebanyak RM13.00 untuk setiap tan minyak sawit mentah (*Crude Palm Oil - CPO*) yang dihasilkan di peringkat pengilang. Ses ini digunakan untuk membiayai aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan, promosi dan Dana Penstabilan Harga Minyak Sawit;
- ii. Levi Keuntungan Luar Biasa yang dikenakan kepada pengusaha sawit apabila harga CPO melebihi RM2.500 se tan bagi Semenanjung Malaysia dengan kadar levi sebanyak 15 peratus dan RM3,000 se tan bagi Sabah dan Sarawak dengan kadar 7.5 peratus. Levi ini dikutip oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia; dan
- iii. Cukai jualan CPO di Negeri Sabah sebanyak 7.5 peratus dan di Sarawak iaitu 2.5 peratus sekiranya harga CPO ialah antara RM1,000 hingga RM1,499 dan 5 peratus apabila harga melebihi RM1,500. Cukai ini dikutip kepada Kerajaan Negeri pada peringkat pengilang sawit.

Sehubungan itu, jumlah ses yang telah dikutip dari Sabah dan Tawau oleh MPOB untuk tahun 2005 hingga 2010 adalah seperti berikut:

Sabah					
Tahun	2005	2006	2007	2008	2009
Jumlah Kutipan Ses (RM juta)	87.71	89.27	92.05	94.98	79.90

Tawau					
Tahun	2005	2006	2007	2008	2009
Jumlah Kutipan Ses (RM juta)	8.81	9.59	9.46	11.22	10.40

Bagi industri koko dan kayu-kayan, tiada sebarang kutipan dalam bentuk cukai dan ses dikenakan ke atas aktiviti-aktiviti perkilangan pengeluaran produk-produk berasaskan koko dan kayu-kayan di Sabah.

Tuan Yang Di-pertua,

Untuk makluman Tuan Yang Dipertua, di antara masalah-masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha industri sawit di Sabah terutamanya di kawasan pedalaman meliputi:

- i. Sistem jalan raya yang tidak memuaskan. Pada musim hujan, minyak sawit mentah (MSM) tidak dapat diangkut keluar memandangkan lori tidak dapat masuk atau keluar dari kilang buah. Ini menyebabkan MSM tidak dihantar ke kilang penapis pada waktunya; dan
- ii. Masalah infrastruktur asas seperti air dan elektrik di kilang-kilang penapis sawit. Gangguan bekalan air dan elektrik akan menjejaskan aktiviti pemprosesan dan pengeluaran minyak sawit.

Dalam usaha untuk menangani masalah-masalah ini, Kerajaan sedang mengkaji cadangan menaiktaraf sistem jalan-jalan pertanian dan ladang di kawasan pedalaman Sabah di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh. Ini bertujuan untuk memudahkan urusan penghantaran MSM ke kilang-kilang agar penghasilan produk-produk berasaskan sawit tidak terjejas.

Berhubung dengan penanaman semula sawit oleh pengusaha-pengusaha industri sawit, insentif yang telah diberikan oleh Kerajaan pada masa ini meliputi:

- i. Skim Insentif Tanam Semula (SITS) sebanyak RM1,000 shektar untuk penebangan pokok sawit yang berusia melebihi 25 tahun. Sehingga 9 Mac 2010, sejumlah 8,613 permohonan melibatkan kawasan seluas 23,662 hektar telah diluluskan di seluruh negara. Seramai 2,474 pemohon dengan kawasan seluas 52,556 hektar telahpun menerima bantuan ini yang berjumlah RM52.556 juta di seluruh negara. Di Negeri Sabah, sebanyak 37 estet dan 88 orang pekebun kecil persendirian dengan jumlah keluasan 7,909.872 hektar telah menerima bantuan berjumlah RM7.9 juta; dan
- ii. Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE2) dengan peruntukan sebanyak RM6.000 shektar untuk menanam semula pokok kelapa sawit yang beusia melebihi 25 tahun dan tidak produktif. Bantuan ini hanya terbuka kepada pekebun kecil persendirian sahaja. Sehingga 9 Mac 2010, permohonan yang telah diluluskan di bawah PRE2 ialah seramai 6,774 orang dengan kelulusan 24,827 hektar di seluruh negara. Dari jumlah tersebut pula, seramai 1,824 orang pekebun kecil persendirian dengan

keluasan 8,829 hektar telahpun diluluskan pembayaran PRE2 yang berjumlah RM49.886 juta. Di Negeri Sabah, sejumlah 78 orang pekebun kecil persendirian melibatkan kawasan seluas 232 hektar telahpun diluluskan pembayaran PRE2 yang berjumlah RM1.4 juta.

SOALAN NO: 49

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH
SOALAN**

JAWAB LISAN

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjung Malim]

6 April 2010 (SELASA)

**Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjung Malim] minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI**

menyatakan

berapa banyak dan jenis hasil pertanian negara Thailand yang dieksport ke Singapura dihantar dengan pengangkutan darat melalui Malaysia. Adakah Kerajaan berhasrat menggalakkan pengusaha tempatan menerokai peluang pasaran ini.

**JAWAPAN
ASAS
TANI**

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI

Tuan Yang Dipertua,

Hasil pertanian Negara Thailand yang dieksport ke Singapura dan dihantar dengan menggunakan pengangkutan darat melalui Malaysia adalah sebanyak 23,832mt pada tahun 2008 dengan nilai keseluruhan sebanyak RM9.1 juta manakala pada tahun 2009 telah meningkat kepada 24,353mt dengan nilai RM11.2 juta.

Aktiviti ini dijalankan melalui pintu masuk Padang Besar, Rantau Panjang dan Bukit Kayu Hitam. Jenis hasil pertanian yang terlibat adalah tanaman, ikan dan produk-produk hasil tanaman dan ikan.

Kerajaan memang menggalakkan pengusaha-pengusaha tempatan menerokai pasaran ini. Pada masa ini terdapat 10 buah lori milik Persatuan nelayan Kebangsaan (NEKMAT) yang terlibat dalam pengangkutan produk-produk Thailand ke Singapura melalui jalan darat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN

SOALAN NO: 50

RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM
[BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH 6 APRIL 2010 (SELASA)

SOALAN

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan Kerajaan Barisan Nasional sering mengatakan Malaysia adalah setaraf dengan negara maju. Antara ciri negara maju ini adalah mereka yang mengamalkan hak kebebasan bersuara, media dan maklumat. Adakah Malaysia mempunyai perancangan untuk mengadakan akta yang melindungi hak kebebasan bersuara, media dan maklumat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini tidak berhasrat untuk mengadakan sebarang akta yang melindungi hak kebebasan bersuara, media dan maklumat memandangkan perkara ini telah termaktub dalam Artikel 10 Perlembagaan Persekutuan yang menjamin hak kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan bagi setiap rakyat Malaysia. Artikel tersebut menyatakan bahawa setiap individu mempunyai hak kebebasan untuk menyuarakan sesuatu dan tertakluk kepada beberapa peraturan. Hak tersebut hendaklah dilaksanakan mengikut lunas-lunas tertentu selaras dengan peruntukan dan undang-undang negara.

NO. AUM : 49

NO.AUP : S/

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI [SABAK BERNAM]

6 APRIL 2010

TARIKH

2452

RUJUKAN

SOALAN:

**Datuk Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang
memperkenalkan MyKad yang menyimpan profil lengkap pemiliknya
seperti maklumat peribadi, lesen memandu, akaun bank, harta dan
sebagainya untuk dijadikan pengkalan data rakyat negara ini.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua ,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) pada masa ini mempunyai pangkalan data yang menyimpan semua maklumat peribadi rakyat negara ini. MyKad yang sedia ada bercip 64k mampu menyimpan data profil lengkap pemiliknya seperti maklumat peribadi, lesen memandu dan maklumat pasport serta maklumat kesihatan. Selain daripada itu, MyKad juga mempunyai aplikasi-aplikasi lain seperti Touch n Go, ATM, MEPS CASH, Prasarana Kekunci Awam (PKI) dan *Frequent Travellers Card* (FTC). Maklumat-maklumat di dalam MyKad dan pangkalan data JPN telah digunakan sebagai rujukan tunggal bagi semua agensi-agensi Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua ,

Bagi maklumat akaun bank dan harta, ianya tidak disimpan di dalam MyKad atau pangkalan data JPN kerana ini membabitkan faktor keselamatan dan privasi pemilik kad tersebut.

NO. SOALAN :52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB KULASEGARAN A/L MURUGESON

[IPOH BARAT]

TARIKH

6 APRIL 2010

SOALAN

Tuan Kulasegaran a/l Murugeson (Ipoh Barat) minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimana konsep 1 Malaysia dapat direalisasikan sedangkan parti-parti berasaskan perkauman seperti UMNO.MIC dan MCA masih wujud dalam negara ini.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Gagasan 1 Malaysia Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan adalah satu falsafah induk yang merentas dasar dan pelaksanaan. Ini kerana matlamat akhir 1 Malaysia adalah Perpaduan Nasional yang mana pencapaiannya telah menjadi matlamat nasional secara berterusan semenjak negara mencapai kemerdekaan lebih lima puluh tahun dahulu.

Semua parti-parti yang disebutkan adalah berpayungkan Barisan Nasional yang senantiasa mendokong dasar dan matlamat kerajaan sejak sekian lama. Jadi secara kesinambungan, semua dasar kerajaan dan perlaksanaannya didokong oleh parti-parti yang bersama-sama Kerajaan mendokong Perpaduan Nasional.

Secara khususnya, Perpaduan Nasional sentiasa berlandaskan prinsip dan semangat Perlembagaan Negara dan Rukun Negara dan itulah juga landasan panduan Gagasan 1 Malaysia.

Sekian, Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BAGI JAWAB LIS AN
DARIPADA TUAN AARON AGO ANAK DAGANG
 [KANOWIT]
TARIKH 6 APRIL 2010
SOALAN

Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan jumlah dan perbezaan penumpang penerbangan domestik yang menggunakan MAS⁵³ (termasuk MASWings) dan AirAsia. Apakah sebenarnya perbezaan kelas perkhidmatan di antara kedua-dua syarikat penerbangan ini yang menyebabkan persaingan yang amat sihat dan hebat.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tahun 2009, jumlah penumpang penerbangan domestik yang menggunakan MAS adalah seramai 12,420,561 penumpang (termasuk MASWings seramai 1,973,285 penumpang). Manakala bagi AirAsia, jumlah penumpang yang dibawa sepanjang tahun 2009 adalah seramai 14,285,901 penumpang. Berdasarkan jumlah tersebut, terdapat perbezaan penumpang seramai 1,865,340 ataupun 13% di antara MAS (dan MASWings) dan AirAsia. Perbezaan jumlah penumpang di antara MAS dan AirAsia adalah disebabkan oleh perbezaan jumlah laluan dan kekerapan yang disediakan oleh syarikat-syarikat penerbangan tersebut, selepas pelaksanaan *domestic rationalization* pada tahun 2006. MAS menyediakan perkhidmatan bagi 23 laluan dengan jumlah kekerapan sebanyak 521 kali seminggu berbanding AirAsia yang mengadakan perkhidmatan bagi 25 laluan dengan jumlah kekerapan sebanyak 557 kali seminggu.

Perkhidmatan yang disediakan oleh MAS dan AirAsia adalah berbeza di mana MAS merupakan sebuah syarikat penerbangan penuh (*full service carrier*) dan AirAsia merupakan sebuah syarikat penerbangan tambang murah (*no frills*).

Perbezaan jenis-jenis perkhidmatan yang disediakan oleh MAS dan AirAsia adalah seperti berikut:

- Keutamaan masuk dan keluar (*boarding and disembarkation*) untuk penumpang kelas pertama dan kelas perniagaan hanya disediakan oleh MAS. Manakala AirAsia mengenakan caj untuk perkhidmatan *express boarding*;
- Kemudahan *Golden Lounge* untuk penumpang kelas pertama dan kelas perniagaan hanya disediakan oleh MAS;
- Tempat duduk yang ditetapkan disediakan oleh MAS secara percuma manakala AirAsia mengenakan caj untuk perkhidmatan tersebut;
- Pengumpulan mata ganjaran Enrich (*privilege kad*) disediakan oleh MAS manakala AirAsia tidak mempunyai sebarang *privilege kad*;
- Had bagasi sebanyak 20 kilogram untuk penumpang kelas ekonomi diberi secara percuma oleh MAS manakala penumpang AirAsia perlu membayar caj tertentu untuk perkhidmatan ini;
- Hidangan makanan dan *inflight entertainment* di dalam pesawat (sewaktu penerbangan) diberi secara percuma oleh MAS manakala AirAsia mengenakan caj untuk perkhidmatan ini;
- Kemudahan daftar masuk melalui telefon untuk penumpang kelas pertama dan kelas perniagaan bagi MAS manakala AirAsia menyediakan *online check-in*;
- Hanya MAS menggunakan aerobridge di terminal lapangan terbang.

SOALAN NO: 54

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA PE
 RT
 AN
 YA
TARIKH AN

 LISAN

 YB TUAN TAN KOK WAI
 [CHERAS]

 SELASA, 6 APRIL 2010

RUJUKAN : 09 [PR-1231-L35500]

SOALAN

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR menyatakan butiran terperinci tentang setiap projek pembangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang menelan perbelanjaan RM500,000 ke atas yang telah di batal, di tangguh, terlewat disiapkan atau dikurangkan dari segi skop kerja dan jumlah wang terlibat sebagai satu usaha untuk mengurangkan defisit bajet DBKL 2010. Apakah kesan negatifnya akibat usaha sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Cheras, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah memperuntukkan sejumlah RM986.007 juta di dalam Bajet Pembangunan 2010 yang mana pecahannya ialah RM298.332 juta adalah peruntukan DBKL manakala RM687.657 juta merupakan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan.

Keseluruhan peruntukan pembangunan tersebut disediakan bagi tujuan untuk membayar akaun akhir, menyiap dan melaksanakan 227 projek pelbagai kategori

seperti pembinaan infrastruktur jalan, perparitan dan saliran, kemudahan- kemudahan awam, taman rekreasi dan sebagainya.

Butiran projek dan peruntukan data penyediaan Bajet Pembangunan DBKL 2010, adalah berasaskan kepada hasrat kerajaan untuk memastikan bajet yang disediakan dapat memberi manfaat sepenuhnya kepada warga kota dan pembangunan Kuala Lumpur khususnya, serta pembangunan negara secara amnya. Pada masa yang sama, perancangan Bajet DBKL 2010 turut mengambil kira pendekatan perbelanjaan berhemah dan persekitaran keupayaan kewangan negara.

Dalam hal ini, DBKL telah mengambil langkah lebih menyeluruh dengan mengkaji dan meneliti semula keperluan pelaksanaan projek pembangunan tertentu terutama projek yang belum dimulakan di tapak tetapi yang telah disediakan peruntukan pada tahun 2009 dan sebelumnya sama ada perlu diteruskan pelaksanaannya dalam tahun 2010.

Susulan daripada penelitian yang dilakukan, sejumlah **29 projek telah diputuskan untuk tidak diteruskan pelaksanaannya pada tahun 2010.** Ini melibatkan **3 projek yang masih berada di peringkat sub-struktur** dan **26 projek** yang masih di peringkat reka bentuk. Peruntukan yang terlibat dari segi perancangan dan pelaksanaan projek berkenaan adalah **RM88.9 juta.**

Projek ini telah tidak diteruskan kerana keutamaan pelaksanaan pada masa ini tidak mendesak. Sebahagian daripada projek berkenaan juga dirasakan tidak memberi impak yang besar atau kesan menyeluruh kepada warga kota.

Di samping itu, sebahagian daripada projek yang tidak diteruskan pelaksanaannya merupakan **kerja-kerja mempertingkatkan kemudahan warga kota dan kemudahan sedia ada** di mana ia tidak akan menjejaskan keperluan dan penyelesaian semasa penggunaannya sekiranya projek berkenaan tidak diteruskan.

Sehubungan itu, DBKL berpendapat tiada impak negatif yang ketara akan dirasakan jika pelaksanaan projek-projek tersebut tidak diteruskan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN

SOALAN NO: 55

RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]

TARIKH 6 APRIL 2010 (SELASA)

SOALAN

Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan hala tuju BERNAMA TV dalam memperluaskan maksud dan agenda Kerajaan sekarang sepanjang tahun ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

BERNAMA TV adalah salah sebuah stesen TV swasta yang dilesenkan oleh Syarikat Komunikasi dan Multimedia (SKMM). Ia merupakan stesen TV berita sepenuhnya yang beroperasi 24 jam sehari. Berdasarkan pelan perniagaannya, BERNAMA TV akan beroperasi seperti stesen antarabangsa CNN dan Asia News Network. Bagi memperluaskan maksud dan agenda Kerajaan sekarang, BERNAMA TV akan terus menyiarkan berita dan perkembangan semasa di dalam dan luar Negara secara tepat, cepat dan adil.

Ini adalah selaras dengan misi BERNAMA iaitu untuk menyedia dan menyebarkan luas berita serta informasi kepada rakyat. Dengan liputan yang menyeluruh dan objektif, BERNAMA TV dapat membentuk masyarakat bermaklumat disamping menghebahkan mesej-mesej Kerajaan yang benar.

SOALAN NO: 56

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	Lisan
DARIPADA	Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago (Klang)
TARIKH	6 April 2010 (Selasa)
SOALAN	<p>Y.B. Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago (Klang) minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan dakwaan bahawa kapal ikan Thailand diberi lesen menangkap ikan secara “joint-venture” dengan syarikat tempatan di laut dalam Sarawak tetapi kebanyakan hasil tangkapan dihantar balik ke Thailand dan ia mengeksploitasi sumber jadi negara.</p>
JAWAPAN	<p>Tuan Yang Dipertua,</p> <p>Dakwaan bahawa kapal ikan Thailand diberi lesen menangkap ikan secara “joint-venture” dengan syarikat tempatan di laut dalam Sarawak adalah tidak benar. Lesen vesel penangkapan ikan laut dalam di seluruh negara hanya diberikan kepada warganegara Malaysia. Pemilik lesen juga tidak dibenarkan membeli atau mengoperasikan vesel terpakai dari luar negara kecuali vesel - vesel yang telah dirampas dan dilelong secara terbuka.</p>

Jabatan Perikanan Malaysia telah mensyaratkan di dalam lesen bahawa semua hasil tangkapan wajib didaratkan di dalam negara. Sekiranya, pemilik vesel gagal mengikuti syarat tersebut, lesen vesel perikanan mereka boleh dibatalkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK
[RASAH]

TARIKH 6 APRIL 2010

SOALAN:

Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah sistem pendaftaran pemilih secara automatik tidak dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memandangkan begitu ramai pemilih layak yang tidak mendaftar dan mengapa umur kelayakan menjadi pengundi tidak dapat diturunkan ke 18 tahun.

JAWAPAN: Y. B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

NO.SOALAN: 57

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan pendaftaran pemilih secara automatik bagi pengundi yang mencapai umur 21 tahun. Ini disebabkan sebahagian besar rakyat Malaysia tidak tinggal di alamat yang tercatat di dalam kad pengenalan. Jika dilaksanakan sistem pendaftaran pemilih secara automatik, ia akan memberikan implikasi yang besar kepada mereka yang terlibat memandangkan keadaan mobiliti penduduk yang sangat tinggi ekoran berpindah alamat kediaman, pertukaran tempat kerja dan sebagainya. Ini kerana terdapat mereka yang tidak membuat pertukaran alamat pada kad pengenalan, menyebabkan bilangan mereka yang akan didaftarkan di luar kawasan tempat mereka bermastautin adalah tinggi. Bahkan mungkin ada di antara mereka yang tidak lagi menetap di alamat tersebut serta tidak mempunyai ahli keluarga di alamat yang didaftarkan. Jika hal ini berlaku ia akan menimbulkan kesulitan pemilih itu sendiri. Contoh, jika alamat yang tertera di dalam kad pengenalan ataupun yang

terdapat di pangkalan data alamat di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menunjukkan bahawa seseorang pemilih itu menetap di sesuatu alamat tertentu sedangkan pada hakikat sebenarnya beliau telah berpindah ke suatu tempat baru tetapi tidak membuat pertukaran alamat di JPN, maka seseorang pemilih itu akan didaftarkan berdasarkan alamat bermastautin yang lama.

Peraturan ini juga, jika dilaksanakan, amat bertentangan dengan kehendak Perlembagaan mengenai tempat mastautin sebenar pemilih berkenaan, kerana beliau telah berpindah ke tempat lain. Jika berlaku pilihan raya, maka pemilih berkenaan akan menghadapi kesulitan untuk menentukan di pusat mengundi manakah beliau akan mengundi kerana namanya tidak disenaraikan di tempat mengundi beliau bermastautin. Jika ramai pemilih yang berpindah tempat bermastautin tetapi tidak memaklumkan kepada JPN, adalah dikhuatiri¹ ramai pemilih tidak akan kembali mengundi jika pusat mengundi mereka terletak jauh dari tempat kediaman mereka.

Oleh kerana itu, dikhuatiri peratus pemilih yang keluar mengundi

di bahagian pilihan raya berkurangan dan akan menjejaskan imej negara di mata dunia. Berasaskan pada hakikat ini maka kerajaan belum lagi bercadang untuk membuat pendaftaran pemilih secara automatik.

Mengenai umur kelayakan mengundi pula, kerajaan berpendapat umur matang bagi seseorang warganegara Malaysia adalah 21 tahun. Rakyat Malaysia yang di bawah umur tersebut adalah ditakrifkan sebagai remaja yang kebanyakannya masih lagi di alam persekolahan. Walaupun mereka boleh bergiat di dalam parti politik seawal umur 18 tahun, namun, kerajaan telah menentukan, kelayakan umur mengundi bagi seseorang warganegara Malaysia adalah apabila dia mencapai umur 21 tahun. Ini berdasarkan kepada Perkara 119 (1) Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan seseorang warganegara berumur 21 tahun dan ke atas, menetap di mana-mana bahagian pilihan raya di Malaysia dan tidak hilang kelayakan sebagai pemilih, layak untuk mendaftar sebagai pemilih. Sekian, terima kasih.

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT
JAWAB LISAN

YB FONG PO KUAN

[BATU GAJAH]

PERTANYAAN

6 April 2010

DARIPADA

YB FONG PO KUAN [BATU GAJAH]
minta MENTERI LUAR NEGERI

TARIKH

**menyatakan sejauh mana Konsular
Malaysia di Doha, Qatar membantu
berpuluh warga Malaysia yang
terkandas sebelum ini di Qatar untuk
menuntut gaji tunggakan mereka selain
daripada membawa bukti gaji slip
sebagai pekerja syarikat terlibat dan
nyatakan perkembangan kes tersebut.**

SOALAN [58]

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Gajah di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Luar Negeri melalui Perwakilan Malaysia di luar negara sentiasa peka dan berusaha untuk memberi khidmat dan bantuan konsular yang sebaik mungkin kepada semua rakyat Malaysia yang berada di luar negara. Selepas menerima aduan daripada dua puluh lapan (28) pekerja Malaysia di Doha, Qatar pada 3 November 2009, Kedutaan Besar Malaysia di Doha, Qatar telah membuat semakan dengan pihak berkuasa buruh di Qatar dan juga majikan serta agensi pekerjaan yang telah membawa mereka untuk bekerja di Qatar.

2. Untuk makluman Dewan yang Mulia ini selanjutnya, daripada dua puluh lapan (28) orang pekerja tersebut hanya sebelas (11) orang dari mereka mempunyai permit kerja yang sah manakala tujuh belas (17) orang lagi telah bekerja secara tidak sah dengan menyalahgunakan pas lawatan pelancong mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kedutaan Besar Malaysia di Doha, Qatar telah memberikan bantuan konsular dan khidmat nasihat yang sewajarnya kepada pekerja-pekerja Malaysia yang menghadapi masalah ini sebaik sahaja menerima

aduan berhubung perkara ini. Di antara khidmat dan nasihat konsular yang telah diberikan ialah dengan merujuk kes terbabit kepada pihak berkuasa berkenaan di Kementerian Luar Negeri Qatar, Jabatan Buruh Qatar serta menyediakan khidmat jurubahasa bagi membantu masalah komunikasi diantara pengadu-pengadu dengan pihak berkuasa tempatan.

4. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kes ini telah berjaya diselesaikan. Kesemua sebelas (11) orang pekerja yang mempunyai permit kerja yang sah telah dibayar pampasan sebanyak QAR 20,000.00 (RM 18,568.00) setiap seorang oleh majikan mereka dan telah berlepas pulang ke Malaysia pada 17 Februari 2010. Sementara pekerja yang telah bekerja secara haram dengan menyalahgunakan pas lawatan pelancong mereka telah diusir keluar mengikut undang-undang negara tuan rumah (Qatar)

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : 61

NO. AUP : 5*/

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

DARIPADA

DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP

BIN LISAN BUMBURING @ WILFRED [TUARAN

TARIKH

]

RUJUKAN

6 APRIL 2010

SOALAN:

2450

**Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran]
minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada beliau
sedar bahawa ramai orang yang mempunyai dokumen yang sah di
Sabah menghadapi masalah memohon kewarganegaraan dan
kenapakah mereka ini dikehendaki untuk datang ke Putrajaya
untuk menguruskan sedangkan jabatan pendaftaran ada di Kota**

JAWAPAN

Kinabalu.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli yang Berhormat dari Tuaran yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan warganegara boleh dikemukakan di mana-mana Ibu Pejabat JPN Negeri termasuk JPN Kota Kinabalu, Sabah. Oleh yang demikian, Kementerian Dalam Negeri tidak pernah mengeluarkan sebarang arahan meminta mereka datang ke Putrajaya untuk mengemukakan permohonan kecuali atas kehendak mereka sendiri.

Tuan Yang DiPertua,

Berkaitan dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat Tuaran berkenaan ramai orang yang mempunyai dokumen sah di Sabah menghadapi masalah memohon kewarganegaraan, ingin saya jelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa penentuan taraf warganegara secara kuatkuasa undang-undang bagi kelahiran yang berlaku di Malaysia adalah tertakluk kepada taraf ibu bapa semasa kelahiran kanak-kanak itu. Sekiranya salah seorang ibu bapanya sah sebagai seorang warganegara Malaysia atau Pemastautin Tetap Malaysia, mereka tidak perlu lagi mengemukakan permohonan kewarganegaraan Malaysia, sebaliknya mereka ini akan mendapat

t

sayur-sayuran dan buah-buahan pada setiap bulan di pelbagai premis jualan di seluruh negara. Lima (5) kumpulan utama residu racun perosak yang dipantau penggunaannya melalui aktiviti pensampelan dan analisis makmal adalah *organophosphorus*, *organochlorine*, *carbamate*, *synthetic pyrethroid* dan *dithiocarbamate* (CS₂). Walau bagaimanapun, kumpulan racun perosak lain turut dipantau penggunaannya.

Pada tahun 2009, sebanyak 2,548 sampel sayur-sayuran dan buah-buahan telah diambil di mana jumlah sampel yang didapati mengandungi residu racun makhluk perosak melebihi Had Maksima Dibenarkan (MRL) di bawah Peraturan- Peraturan Makanan 1985 adalah sebanyak 60 sampel (2.35%). Angka ini menunjukkan sedikit peningkatan jika dibandingkan dengan tahun 2008 di mana sebanyak 45 (2.0%) kes pelanggaran MRL dikesan daripada 2,235 sampel yang diambil. Namun begitu, Kementerian Kesihatan Malaysia telah dan sedang mengambil tindakan mahkamah terhadap semua pelanggaran MRL yang dikesan pada tahun 2009, satu peningkatan ketara jika dibandingkan dengan tahun 2008 di mana hanya 4 kesalahan diambil tindakan untuk pendakwaan di mahkamah. Ini menunjukkan kesungguhan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam mengawal kehadiran residu racun perosak dalam sayur-sayuran dan buah-buahan yang dijual di negara ini.

Pemantauan juga dijalankan ke atas sayur-sayuran dan buah-buahan import di pintu-pintu masuk. Pada tahun 2009, kadar pelanggaran MRL adalah 1.4% (33 daripada 2,416 sampel) iaitu meningkat sedikit jika dibandingkan dengan kadar pelanggaran MRL pada tahun 2008 yang mencatatkan 1.2% (25 daripada 2,126 sampel). Bagi Kes-kes pelanggaran tersebut, pemeriksaan Tahap 5 iaitu Tahan, Uji dan Lepas dikenakan terhadap konsainmen berikutnya untuk sayur- sayuran dan buah-buahan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan di lapangan, Kementerian Kesihatan Malaysia merupakan ahli tetap Lembaga Racun Makhluk Perosak di bawah Jabatan Pertanian, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Lembaga ini terlibat dalam kawalan pengimportan, pengilangan dan pendaftaran racun perosak.

Di samping itu, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Pertanian, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Pihak Berkuasa Tempatan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk memantau penggunaan racun perosak, terutamanya ke atas sayur- sayuran dan buah-buahan di negara ini.

Kesimpulannya, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa perihatin terhadap isu penggunaan berlebihan racun perosak di dalam makanan khususnya sayur-sayuran dan buah-buahan. Justeru, Kementerian ini sentiasa berusaha meningkatkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan terhadap kehadiran residu racun perosak dari semasa ke semasa.

SULIT

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT No Soalan: 61

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B DATUK SERI PANGLIMA
JOSEPH PAIRIN KITINGAN
(KENINGAU)

TARIKH 06.04.2010
(SELASA)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah jenis '*security secrets*' yang telah di dedahkan atau dijual oleh beberapa anggota pasukan tentera kepada pihak negara- negara yang lain seperti yang di nyatakan oleh Menteri sendiri dalam surat akhbar baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Kegiatan mendapatkan maklumat ketenteraan secara salah oleh operatif perisikan dari sebuah kedutaan asing di Kuala Lumpur

SULIT

JAWAPAN
dengan menjadikan warga Kementerian Pertahanan sebagai sasaran telah dikesan oleh Bahagian Staf Perisikan Pertahanan (BSPP) melalui penyiasatan risik balas yang dilaksanakan sejak tahun 2009. Operasi susulan BSPP seterusnya (*turnover operation*) telah membolehkan kegiatan penyuluhan ataupun *espionage* tersebut dapat dipantau dan dikawal oleh BSPP dengan warga Kementerian Pertahanan yang dijadikan sasaran memberikan sepenuh kerjasama untuk membongkar kegiatan tersebut.

Kementerian tidak akan mendedahkan individu yang dijadikan sasaran kerana mereka adalah merupakan sumber BSPP yang perlu dilindungi dan identitinya dirahsiakan. Mereka yang terlibat tidak boleh dianggap sebagai pengkhianat kerana beliau sebenarnya telah berkerjasama dengan pihak BSPP untuk membongkar kegiatan penyuluhan ini. Di samping itu, dengan mengambilkira kedudukan hubungan dua-hala yang selesa, maka pihak kedutaan asing yang berkaitan tidak sesuai untuk didedahkan. Dalam konteks ini, hanya tindakan diplomatik diperkirakan supaya

2

kegiatan penyuluhan oleh anggota kedutaan asing berkaitan dihentikan.

Tuan Yang di-Pertua,

Melalui kawalan ke atas sasaran penyuluhan tersebut, BSPP telah menapis dan mengolah maklumat-maklumat yang didedahkan agar ianya tidak melibatkan perkara-perkara sensitif atau apa-apa

SULIT

SULIT

maklumat yang berkaitan dengan kepentingan strategik ketenteraan negara. Justeru itu, isu pembocoran maklumat ini tidak sama sekali menjejaskan tahap keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Isu pembocoran maklumat yang diumumkan secara terbuka tempoh hari adalah bertujuan untuk mengingatkan semua peringkat warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Kementerian Pertahanan bahawa mereka sentiasa terdedah kepada ancaman penyuluhan. Mereka pada dasarnya boleh dijadikan sasaran ancaman penyuluhan oleh badan perisikan asing secara tidak sedar dan kepekaan mereka mengenai kewujudan ancaman tersebut adalah merupakan langkah pencegahan awal.

3

SOALAN NO.

62 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA YB TUAN TAN TEE BENG (PKR)

(NIBONG TEBAL)

TARIKH 6 APRIL 2010 (SELASA)

SOALAN

YB Tuan Tan Tee Beng (PKR) (Nibong Tebal) minta **MENTERI PEMBANGUNAN**
SULIT

WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah peranan yang diambil

oleh Kerajaan mengenai ibu-ibu muda yang bermasalah dan terjebak dalam aktiviti-aktiviti tidak sihat sehingga membawa kepada pembuangan bayi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius terhadap ibu-ibu muda yang bermasalah dan terjebak dalam aktiviti-aktiviti tidak sihat sehingga membawa kepada pembuangan bayi. KPWKM melalui dua agensinya iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) bertanggungjawab secara langsung untuk menangani masalah tersebut.

Tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian bagi menangani masalah ibu-ibu muda yang bermasalah serta membendung pembuangan bayi termasuklah menyediakan tempat perlindungan bagi kanak-kanak atau wanita yang hamil luar nikah agar mereka dapat melahirkan anak dengan selamat. Institusi-institusi di bawah

Jabatan Kebajikan Masyarakat yang menyediakan perlindungan untuk golongan tersebut ialah Taman Seri Puteri sebanyak empat (4) buah dan sebuah Pusat Jagaan Sinar Kasih.

Taman Seri Puteri menyediakan kemudahan perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak perempuan berumur di bawah 18 tahun yang hamil atau melahirkan bayi luar nikah. Pusat Jagaan Sinar Kasih pula diwujudkan bagi wanita hamil luar nikah berusia 18 tahun ke atas yang memerlukan perlindungan dan penjagaan segera. Inisiatif ini juga bertujuan mencegah daripada berlakunya kes buang bayi terutama wanita berumur 18

tahun ke atas.

Kementerian juga mempunyai lima puluh lima (55) buah lagi institusi kebajikan, satu ratus empat (104) buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan lima puluh tiga (53) buah Klinik Nur Sejahtera yang bersedia menerima bayi-bayi yang memerlukan perlindungan.

Selain itu, Kementerian melalui JKM juga menjalinkan kerjasama erat dengan Pertubuhan Sukarela Kebajikan bagi membantu membendung masalah pembuangan bayi. Pada masa ini terdapat lapan (8) buah Pertubuhan Sukarela Kebajikan yang menerima geran dari JKM yang menyediakan pusat perlindungan bagi ibu-ibu muda ini bagi mengelakkan mereka dari membuang bayi.

Kementerian turut melaksanakan pelbagai usaha bagi menghindar ibu-ibu muda dari terus terlibat dengan aktiviti yang tidak sihat. Antaranya ialah:-

- a) Menyediakan perkhidmatan kaunseling di peringkat negeri dan daerah sebagai salah satu usaha untuk memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada mereka yang masih di peringkat awal terdedah kepada bahaya moral;
- b) Melaksanakan bengkel interaktif melibatkan keluarga dan kanak-kanak bagi meningkatkan kesedaran tentang tanggungjawab dan peranan terhadap penjagaan kanak-kanak selaras dengan keperluan Akta Kanak-Kanak 2001;
- c) Melaksanakan program pencegahan melalui penglibatan ahli masyarakat setempat dalam organisasi akar umbi melalui Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak Daerah (JKKD);

- d) Menganjurkan kursus kemahiran keibubapaan seperti SmartStart dan Modul Kasih. Selain daripada itu, Program Parenting@Work juga telah diperkenalkan di mana pihak Kementerian mengambil pendekatan memberikan kursus ini di tempat kerja memandangkan kesukaran untuk mendapatkan ibu bapa menghadiri kursus di luar pejabat atas faktor kesibukan serta komitmen terhadap keluarga; dan
- e) Mewujudkan Pusat Remaja kafe@TEEN yang menyediakan khidmat kaunseling dan kesihatan bagi membantu remaja mengatasi masalah fizikal, mental dan sosial remaja. Program ini turut memberi peluang kepada remaja berkenalan dengan rakan-rakan dan berkongsi pengalaman serta bertukar-tukar idea baru.

Selain itu, Kementerian juga telah mula melaksanakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial bagi meningkatkan kefahaman dalam aspek seksualiti, pembentukan nilai sendiri dan perhubungan kekeluargaan antara gender terhadap pihak-pihak tertentu seperti institusi kebajikan, institusi pendidikan dan badan-badan bukan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Tanggungjawab bagi menangani ibu-ibu muda yang bermasalah dan terjebak dalam aktiviti-aktiviti tidak sihat sehingga membawa kepada pembuangan bayi ini bukanlah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) semata-mata. Kerjasama agensi-agensi Kerajaan seperti Jabatan Agama Islam dan Kementerian Kesihatan Malaysia serta badan-badan bukan kerajaan seperti Persatuan Perancang Keluarga Malaysia mempunyai peranan yang sama penting dalam

usaha membendung masalah pembuangan bayi daripada terus berleluasa. Setiap anggota masyarakat Malaysia juga mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing untuk sama-sama membantu Kerajaan menangani masalah remaja dan ibu-ibu muda yang terjebak dalam aktiviti-aktiviti tidak sihat ini sehingga membawa kepada pembuangan bayi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan	PERTANYAAN JAWAB LISAN
Daripada Tarikh	Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] 6 April 2010 (Selasa) [
Soalan	No. 63]

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan hasil pengeluaran kenaf sejak diperkenalkan di negara ini dan sumbangan tanaman ini kepada peningkatan hasil petani yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan tanaman kenaf telah dimulakan oleh Lembaga Tembakau Negara (LTN) di Rhu Tapai, Terengganu pada tahun 2004. Dari tahun 2005 hingga 2009, seluas 1,817 hektar telah ditanam dengan kenaf melibatkan 584 peserta di negeri Kelantan dan Terengganu. Penglibatan dalam penanaman kenaf telah membolehkan para peserta memperolehi pendapatan tambahan.

Sebilangan besar peserta program penanaman kenaf adalah merupakan bekas penanam tembakau yang juga melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi lain seperti tanaman integrasi. Bagi tempoh 2005-2009, kira-kira 7,500 tan batang kenaf telah dihasilkan untuk dibekalkan kepada syarikat-syarikat tempatan bagi pengeluaran produk kenaf seperti *fibre*, biokomposit dan *fibreboard*.

Pendapatan tambahan yang diperolehi oleh para penanam kenaf adalah bergantung kepada keluasan tanaman, jumlah pengeluaran dan jenis produk yang dihasilkan. Bagi meningkatkan pendapatan, Lembaga Tembakau Negara menggalakkan para pengusaha kenaf melaksanakan aktiviti nilai tambah di sepanjang rangkaian pengeluaran kenaf. Sehubungan ini, harga bagi *crude fibre* kenaf adalah RM1,700 se tan berbanding dengan hanya RM500 se tan bagi batang kenaf yang belum diproses.

Soalan No : 64

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN

Y.B. TUAN KARPAL SINGH
(BUKIT GELUGOR)

TARIKH DARIPADA 06.04.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab untuk keputusan oleh Kementerian Pelajaran di dalam menghentikan kelas bahasa Cina dan Tamil di dalam sekolah-sekolah kebangsaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai tahun 2007 mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil telah ditawarkan di Sekolah Kebangsaan dan dilaksanakan di sekolah kebangsaan terpilih. Melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menasarkankan pada tahun 2010, sebanyak 450 buah sekolah kebangsaan menawarkan mata pelajaran Bahasa Cina, manakala 250 sekolah kebangsaan menawarkan mata pelajaran Bahasa Tamil. Sehingga Disember 2009, terdapat 350 sekolah kebangsaan yang menawarkan mata pelajaran Bahasa Cina manakala 170 sekolah kebangsaan menawarkan mata pelajaran Bahasa Tamil.

Rjm 93

Soalan No: 65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATUK HAJI IDRIS HAJI HARON
[TANGGA BATU]

TARIKH JAWAPAN : 6 APRIL 2010 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN : NO. 65

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan bilakah tenaga nuklear akan mula digunakan bagi tujuan penjanaan tenaga elektrik di Malaysia serta nyatakan setakat manakah tahap kesedaran masyarakat tentang kepentingan tenaga nuklear bagi menghadapi krisis ketandusan sumber asli.

TAWAPAN Tuan

Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Seperti yang telah dijelaskan di Dewan Yang Mulia ini sebelum ini, pihak Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan pembekalan elektrik yang mencukupi dan berdaya harap serta dibekalkan kepada para pengguna pada harga yang kompetitif. Atas dasar inilah, pihak Kementerian mengambil langkah

untuk mempelbagaikan bahan api bagi penjanaan elektrik dalam merangka keperluan elektrik negara pada masa hadapan.

Pihak Kerajaan melihat tenaga nuklear sebagai salah satu opsiyen yang wajar diterokai terutamanya bagi memenuhi keperluan elektrik pasca 2020. Berdasarkan analisis awal yang dilaksanakan, Semenanjung Malaysia tidak lagi dapat bergantung kepada sumber fosil sedia ada seperti gas dan arang batu untuk memenuhi keperluan bekalan elektrik dalam tempoh tersebut khususnya keperluan *baseload*, dengan izin.

Sebagai langkah awal, Kerajaan sedang memberi tumpuan kepada pelaksanaan kajian terperinci bagi mengukur tahap kesediaan dan kemampuan negara dari segala aspek berkaitan pembangunan nuklear bagi penjanaan elektrik seperti perundangan, sumber manusia, teknologi dan sebagainya, sebelum komitmen yang lebih jelas dapat dibuat mengenai perkara ini. Oleh sebab pembangunan tenaga nuklear bagi tujuan penjanaan elektrik memerlukan komitmen jangka panjang yang mencecah sehingga 100 tahun, Kerajaan perlu mengkaji perkara ini secara teliti sebelum membuat keputusan muktamad untuk membangunkan nuklear bagi memenuhi keperluan bekalan elektrik di negara ini pasca 2020.

Tuan Yang Dipertua,

Memang saya akui bahawa tahap kesedaran masyarakat pada masa kini terhadap kepentingan tenaga nuklear masih rendah disebabkan kurangnya pendedahan serta maklumat berkaitan dengannya. Namun, pihak Kerajaan akan mengambil inisiatif untuk melaksanakan program kesedaran dan pendidikan awam dengan strategi yang

(SARIKEI)

TARIKH : 6 APRIL 2010

SOALAN : 67

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan rancangan dan tindakan Kementerian untuk menyelesaikan masalah bekalan air di kawasan pedalaman di Ulu Strass dan Ulu Sarikei sedangkan laluan paip air telah dipasang di kawasan tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan maklumat daripada JKR Sarawak, kawasan Ulu Strass sebelum ini dibekalkan air bersih yang diperolehi dari Bintangor. Selepas berlakunya ketidakcukupan air yang disebabkan oleh masalah tekanan, JKR Sarawak kini telah membekalkan air bersih yang diperolehi dari daerah Sarikei kepada kawasan Ulu Strass. Walau bagaimanapun, pembekalan air bersih ini adalah bergantung kepada kecukupan air bersih di Sarikei. Bagi mengatasi masalah ini sepenuhnya, kawasan ini memerlukan pembinaan tangki menara serta pam penggalak bagi mengatasi masalah tekanan air yang rendah.

Manakala bagi kawasan Ulu Sarikei, JKR Sarawak memaklumkan bahawa air bersih telah dibekalkan sehingga ke Ulu Bayong dan Semangui. Kawasan - kawasan lain di Ulu Sarikei yang kebanyakannya kawasan berbukit dan memerlukan pembinaan tangki menara serta pam penggalak akan dibekalkan

Soalan NO: 67

dengan bekalan air bersih secara berperingkat.

Di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) iaitu dari tahun 2010-2012, Kementerian mensasarkan untuk mencapai liputan bekalan air bersih sebanyak 90% di Sarawak. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek BALB adalah berdasarkan senarai keutamaan Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN).

SOALAN NO: 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
LISAN

**PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH**

**PUAN DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI
[TITIWANGSA]**

6 APRIL 2010

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penggunaan peruntukan khas Parlimen Titiwangsa seperti siapakah pemohon, untuk projek, program atau sumbangan apa, masa dan tarikh diluluskan, siapa pihak penerima dan jumlah yang diperuntukan setiap satu bagi tahun 2008 dan 2009.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Peruntukan Khas Y.A.B. Perdana Menteri untuk Kawasan Parlimen Titiwangsa yang telah dilaksanakan dalam tahun 2008 dan 2009 telah dipohon oleh berbagai pertubuhan dan badan bukan Kerajaan (NGO) bagi melaksanakan projek dan program untuk faedah masyarakat. Maklumat penggunaan peruntukan tersebut untuk tahun 2008 dan 2009 adalah seperti berikut:

BIL	KATEGORI	TAHUN 2008		TAHUN 2009	
		BIL	PERUNTUKAN (RM)	BIL	PERUNTUKAN (RM)
1	INFRASTRUKTUR AWAM	1	8,757.50	-	-
	i. DEWAN ORANG RAMAI ii. LAIN-LAIN	4	46,350.00	3	4,000.00
2	PROGRAM SOSIAL /SUKAN/ KEBUDAYAAN	22	331,670.00	37	166,500.00
3	EKONOMI	1	3,000.00		
4	BANTUAN/ SUMBANGAN	17	369,000.00	29	299,000.00
5	GOTONG-ROYONG			1	1,000.00
6	PEMBEKALAN	27	147,770.00	5	20,000.00
JUMLAH		72	? 906,547.50	75	490,500.00

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT]

TARIKH : 6 APRIL 2010

SOALAN

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan kemampuan Kementerian ini dari segi semua aspek, terutamanya teknikal, tenaga kerja dan kewangan bagi membantu negeri Sarawak sekiranya diperlukan untuk menjalankan program survey tanah adat (native customary rights land) dalam jangka masa yang berpatutan.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selari dengan Teras Misi Nasional yang kelima; 'Mengukuhkan Keupayaan Institusi dan Pelaksanaan', Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar beriltizam untuk meningkatkan pengurusan dan pentadbiran tanah negara melalui penyampaian perkhidmatan yang inovatif supaya berkesan dan memuaskan hati pelanggan.

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) bertanggungjawab melaksana dan mengurus tadbir hal-hal berkaitan pengukuran halus sebagaimana yang terkandung di bawah Seksyen 396, Kanun Tanah Negara dan terpakai di setiap negeri kecuali Sabah dan Sarawak.

Menyedari kepentingan 'Pencapaian Diutamakan, Rakyat Didahulukan', Kementerian ini terpanggil untuk membantu Kerajaan Negeri Sarawak untuk menjalankan pengukuran bagi tanah adat (*Native Customary Rights* [NCR]).

Kementerian ini bercadang supaya Projek Pengukuran Tanah Adat Sarawak ini dilaksanakan oleh Jabatan Tanah dan Survei Sarawak (JTSS) dengan bantuan dan kerjasama JUPEM. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah

mengemukakan anggaran peruntukan untuk dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Sekiranya peruntukan ini diluluskan, ianya akan digunakan untuk pengukuran tanah NCR di Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: [^]*fb*

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

LISAN
TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] 6
April 2010

PERTANYAAN
DARIPADA TARIKH SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan jumlah wang yang dibelanjakan untuk menyelenggarakan jalan-jalan di Pulau Pinang dan berapa panjangnya jalan tersebut. Siapakah yang diberikan kontrak untuk menguruskannya.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya menyenggara jalan - jalan Persekutuan di Pulau Pinang yang panjangnya 184 km.

Kerja-kerja penyenggaraan jalan yang dilaksanakan terbahagi kepada tiga (3) jenis kerja iaitu kerja-kerja penyenggaraan rutin, berkala pavemen dan bukan pavemen dan kerja-kerja kecemasan. Pihak kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM17.927 juta dari tahun 2007 sehingga 2010 bagi kerja-kerja penyenggaraan jalan Persekutuan di Pulau Pinang. Pecahan bagi kos penyenggaraan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Pada tahun 2007 berjumlah RM4.377 juta;**
- (ii) Pada tahun 2008 berjumlah RM5.043 juta;**
- (iii) Pada tahun 2009 berjumlah RM5.047 juta; dan**
- (iv) Pada tahun 2010 berjumlah RM3.46 juta.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyenggaraan Jalan Persekutuan ini dilaksanakan oleh syarikat konsesi penyenggaraan Jalan Persekutuan Zon Utara iaitu Belati

Wangsa (M) Sdn Bhd yang dilantik oleh pihak kerajaan pada tahun 2001. Kontrak

penyenggaraan Jalan Persekutuan ini adalah untuk tempoh selama 15 tahun dan akan tamat pada awal 2016.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAPAN LISAN
DARIPADA	Y.B. PUAN CHONG ENG
	[BUKIT MERTAJAM]
TARIKH	6 April 2010

SOALAN:

YB PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan Kerajaan untuk membebaskan ekonomi negara daripada perangkap gaji pertengahan (*“middle income trap”*) termasuk menangani masalah *“brain drain”* di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendapatan sederhana ataupun, dengan izin, *“middle income”*, adalah merujuk kepada pendapatan per kapita negara, bukan melihat kepada gaji pertengahan seperti soalan YB Bukit Mertajam. Mengikut definasi Bank Dunia, Malaysia telah dikelaskan dalam kumpulan pendapatan sederhana sejak tahun 1980an dan telah beralih kepada kelas pendapatan sederhana tinggi pada tahun 1992.

NO. SOALAN : 71

Menyedari kepentingan negara untuk keluar daripada perangkap pendapatan pertengahan kepada negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang tahun 2020, Kerajaan telah merancang dan akan melaksanakan beberapa strategi secara holistik dan drastik ke arah mencapai sasaran tersebut. Antara strategi tersebut ialah:

- i. pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) mulai April 2009 yang mana mempunyai dua objektif utama. Pertama adalah transformasi penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang lebih berkesan. Kedua ialah menggerakkan Malaysia menjadi negara maju dan bersatu serta masyarakat yang adil dengan taraf hidup yang tinggi untuk semua. Enam

Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) telah dikenal pasti untuk meneraju transformasi Kerajaan iaitu mengurangkan kadar jenayah, memerangi rasuah, meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan, meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah, memperkasa prasarana luar bandar dan pedalaman dan menambah baik pengangkutan awam.

pada 30 Mac 2010, Kerajaan telahpun mengumumkan Model Ekonomi Baru (NEM) ke arah mencapai negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang tahun 2020. Antara strategi yang digariskan dalam NEM iaitu:

- memperkasakan semula sektor swasta sebagai pemacu pertumbuhan;
- membangunkan tenaga kerja berkualiti dan mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing;
- mewujudkan ekonomi domestik yang berdaya saing;
- memperkukuhkan sektor awam;
- memastikan tindakan yang telus dan mesra pelanggan;
- membangunkan infrastruktur berasaskan pengetahuan;
- memperluaskan sumber pertumbuhan baru; dan
- memastikan pertumbuhan mampan.

pada 10 Jun 2010, Kerajaan akan membentangkan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) yang selari dengan GTP dan NEM. Antara penekanan utama RMKe-10 termasuklah:

- mempergiat sektor swasta yang berdaya saing sebagai peneraju pertumbuhan;
- meningkatkan produktiviti dan inovasi melalui peralihan pantas kepada ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi);
- menyediakan modal insan yang kreatif, inovatif dan berkemahiran abad ke-21;
- mengaplikasi pendekatan inklusif bagi menangani jurang pembangunan;
- mempertingkatkan kualiti hidup setaraf dengan negara maju; dan
- meningkatkan peranan Kerajaan sebagai pemudah cara yang efektif dan berintegriti.

Dengan melaksanakan agenda transformasi ini, Kerajaan berharap matlamat Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia negara maju akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah "*brain drain*" turut berlaku di kebanyakan negara maju. Malaysia juga tidak berkecuali. Punca utama yang mendorong rakyat Malaysia berhijrah ialah untuk mendapat peluang kerja dan pendapatan lebih baik. Penghijrahan mereka tidak boleh dianggap satu kerugian mutlak. Sebaliknya, mereka ini akan menjadidiaspora rakyat Malaysia berkemahiran tinggi yang boleh dimanfaatkan dan digembleng untuk pembangunan negara.

Namun begitu, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menangani masalah "*brain drain*" ini seperti:

- i. mewujudkan dan menambah peluang-peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dengan gaji yang kompetitif serta persekitaran kerja yang kondusif. Pewujudan peluang kerja seumpama ini dapat diperhebat melalui pelaksanaan model ekonomi baru;
- ii. mewujudkan satu hubungan atau jaringan kerja yang efektif untuk memanfaatkan diaspora yang wujud;

- iii. meningkatkan kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan di kalangan jaringan diaspora dan komuniti pegawai dagang sedia ada; dan
- iv. menubuhkan, dengan izin, "*Malaysia Brain Gain Onestop Centre*" (MyGain) bagi memperkukuhkan pelaksanaan program "*brain gain*".

Kerajaan percaya strategi yang diperkenalkan ini merupakan satu metamorfosis untuk memastikan hasrat mencapai status negara maju menjadi kenyataan.

